

KOLEKSI CERPEN  
PILIHAN  
PELITA BRUNEI  
2012

## **Terbitan**

Unit Penerbitan Melayu  
Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik  
Jabatan Penerangan  
Jabatan Perdana Menteri  
Negara Brunei Darussalam

**Cetakan Pertama 2017**

## **Hak Cipta**

Jabatan Penerangan

## **Penyelaras**

Sastra Sarini binti Haji Julaini  
Muhd Khairulhadi bin Haji Muhd Muhtaddir

## **Kompilasi/Susunan/Reka Letak**

Muhammad Al Khaliq bin Ali

## **Penyemak**

Hajah Norpisah binti Mohd Salleh  
Astrilen@Atikah binti Mohd. Asyraf  
Hajah Sujimawati binti Mejari

## **Ilustrasi**

Gambar hiasan digunakan di Pelita Brunei

## **Reka Bentuk Kulit**

Hairun Nadhir bin Ismail

## **ISBN**

978-99917-49-53-2

**Hak cipta terpelihara.** ‘Koleksi Cerpen Pilihan’ merupakan koleksi cerpen yang diterbitkan di dalam Pelita Brunei edisi Januari - Disember 2012. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian kandungan buku ini dalam apa bentuk sekalipun sama ada secara elektronik, fotografi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapatkan keizinan bertulis daripada Pengarah Penerangan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

## **KATA ALUAN**

### **Bismillahir Rahmanir Rahim Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**A**lhamdulillah, Koleksi Cerpen Pilihan Pelita Brunei dapat diusahakan penerbitannya. Cerpen-cerpen yang terkandung dalam koleksi ini adalah hasil karya yang telah dikeluarkan dalam akhbar Pelita Brunei di sepanjang 2012.

Penerbitan ini merupakan salah satu usaha Jabatan Penerangan untuk menghargai sumbangan penulis kepada perkembangan kesusasteraan tanah air khususnya mereka yang menyumbangkan karya mereka ke akhbar berkenaan.

Pihak penerbit percaya penerbitan Koleksi Cerpen Pilihan ini dapat meniup semangat/menyuntik para penulis tanah air ke arah menghasilkan karya yang bermutu dan secara langsung akan menjadi sumber penyelidikan bagi penyelidik-penyelidik sastera di masa akan datang.

Pihak penerbit, bagaimanapun, berhak untuk tidak memuatkan dalam koleksi ini mana-mana cerpen yang dirasakan tidak sesuai. Sekian.

**PENERBIT**

2012

## KANDUNGAN

## MUKA SURAT

### **Sentuhan Cinta**

Oleh : Maya Brunei

6

### **Nak Jadi Bos**

Oleh : Maya Brunei

14

### **Biarlah Rahsia**

Oleh : Imah Sarah

21

### **Terima Kasih Hana**

Oleh : Haikal Hamzah

28

### **Milik Siapa Hati Ini**

Oleh : Haji Jamaluddin Aspar

35

## KANDUNGAN

## MUKA SURAT

### **Tuhan, Beri Ku Cinta**

Oleh : Qym

43

### **Memori Di Hari Lebaran**

Oleh : Adi Jiwa

54

### **Menggamit Rindu**

Oleh : Riani Rahman

59

### **Si Eman Murid Contoh**

Oleh : PAT

70

### **Musim Bunga ... Musim Luruh**

Oleh : Haji Jamaluddin Aspar

82

# *Sentuhan Cinta*



Oleh :  
Maya Brunei

**Y**ATI dua puluh tiga tahun dan Azim dua puluh lima tahun. Pasangan remaja ini telah dijodohkan oleh keluarga mereka masing-masing yang hanya terikat oleh sahabat karib dan sekali gus rakan kongsi niaga. Mereka tidak mahu ikatan mereka renggang apatah lagi terputus. Kerana itu anak-anak mereka terpaksa jadi kuda tunggangan demi untuk tali persahabatan.

Bagi Azim apalah yang digagaskan sangat untuk pulang ke rumah, ada isteri pun bukan suka sama suka, walaupun telah dikurniakan seorang anak tapi semua itu tidak dapat mengubah hatinya untuk mencintai isterinya.

Ajal dan maut, jodoh pertemuan di tangan Tuhan. Kata peribahasa kalau sudah jodoh tak akan ke mana. Apakah dia kahwin lari, sama ada kahwin paksa atau tangkap basah. Semua ini sudah ditakdirkan dan itulah yang dikatakan suratan takdir.

Yati sebenarnya punya Romeo semasa menjadi penuntut di universiti, apa kurangnya pula Azim tentu ada Julietnya semasa belajar di luar negeri. Oleh kerana mereka berdua ini telah dilahirkan menjadi anak-anak yang baik dan patuh pada kehendak orang tua mereka, Yati dan Azim terpaksa berkorban dan menjadi korban. Mereka berhasil memutuskan hubungan dengan teman masing-masing tanpa ada rasa benci jauh sekali dendam.

Atas nama apa pun bagi sebuah perkongsian tidak berasam garam,

maka sudah pasti masakan itu akan menjadi hambar. Demikian juga bagi dua jiwa yang sudah bergelar suami isteri ini, terpaksa melayari hidup dalam sebuah rumah tangga tanpa sentuhan cinta, walaupun mereka sambat melamari menjalani kehidupan yang dikatakan suami isteri dalam sebuah perkahwinan.

Onak dan duri kehidupan yang mereka lalui kini menjangkau lebih dua tahun. Namun rasa dingin Azim terhadap Yati masih tidak berubah. Bangun pagi sama-sama pergi kerja dan petang sama-sama pulang. Nampak memang macam belangkas ke hulu ke hilir tapi hati mereka masih terpisah bagaikan langit dan bumi jaraknya.

Apa pun yang diperlakukan Azim ke atas Yati namun selaku seorang isteri yang taat dan patuh, Yati tetap bersabar dan menurut kehendak dan perintah suaminya, kerana dia tau adalah satu dosa besar jika menentang kehendak suami. Yati tetap bersabar, di samping berdoa moga rumah tangga mereka akan ada titik noktahnya nanti.

“Bang...Yati nak ajak abang ke Mall, dah lama kita tidak pergi shopping sama-sama,” manja dan lembut suara Yati, tapi kemanjaan dan kelembutan suara Yati itu tidak dapat memancing apatah lagi menawan hati Azim yang sememangnya keras macam besi keluli itu.

“Abang banyak kerja Yati pergilah sorang,” Azim selamba.

“Sudah lebih dua tahun bang kita begini, tapi hidup kita masih seperti orang asing,” Yati mula menampakkan sedikit gurisan pilu di hatinya. Mana tau ada sedekah simpati dari suaminya.

“Kalau Yati rasakan hidup macam ini membosankan, Yati berterus terang saja pada abang,” terlalu lancang mulut Azim mengatur bahasanya. Macamlah dia seorang sahaja yang punya perasaan. Itulah lelaki jika sudah egonya berlebihan.

“Bukan maksud Yati macam itu bang, walau apa pun abang tetap suami Yati,” kesetiaan Yati jelas cuma Azim yang tidak tau merasakannya atau sengaja tidak mau merasakan.

“Kita kahwin paksa Yati, kita telah menjadi korban atas kesetiaan kita sendiri.”

“Buat apa kita mendendangkan lagu lama bang, semua itu adalah kehendak orang tua dan atas kerelaan kita sendiri,” Yati melemparkan buah kerasnya.

Begitulah hasilnya jika sebuah perkahwinan yang berjalan pada landasan kemahuan orang tua yang cuma menginginkan apa yang mereka fikir bagi anak-anak mereka, tapi lupa pada kehendak dan kemahuan anak-anak yang sudah bijak memilih, apa lagi untuk pelayaran seumur hidup dalam ikatan sebuah perkahwinan yang bahagia dan berkekalan.

Sebenarnya Azim juga sedar dan tau apa yang patut dibuat oleh seorang suami terhadap wanita yang bergelar isteri, tapi Azim mengabaikannya. Ingatan Azim kepada Julietnya tidak semudah Yati melupakan Romeonya. Inilah sedikit sebanyak punca yang menyumbang mengapa Azim bersikap dingin terhadap Yati.

“Sebenarnya aku sayang pada Yati dia terlalu setia padaku,” Azim meletupkan perasaan yang lama tersimpan dalam hatinya.

“Kau berdosa besar Azim, kau telah mengabaikan tanggungjawabmu sebagai seorang suami,” kawannya Ezat cuba memprotes apa yang dilakukan oleh Azim.

“Aku tahu tapi aku tidak menyintai Yati, aku cuma sayang padanya...”

“Kau masih mengingati Julietmu...?” Ezat memancing kelemahan Azim.

“Cinta pertama begitu agung dari cinta berikutnya. Siapa pun tidak akan dapat melupakan orang pertama dalam hidup mereka masing-masing,” Azim tidak tahu perkataan siapa yang dicedoknya.



“Masa yang begitu lama kau gagal memberikan sentuhan cinta padanya ...?”

“Kau juga tahu bahawa cinta itu tidak boleh dipaksa-paksa.”

“Kau harus berusaha kerana Yati seorang isteri yang baik,” komen Ezat.

“Semua ini adalah kehendak orang tua kami,” Azim mengungkit lagi.

“Itu ungkapan orang-orang yang berputus asa dan tidak berwawasan,” Ezat melantak mati.

Malam berganti siang dan siang berganti malam. Namun sekelip kunang-kunang pun cahaya harapan yang akan menyuluh kehidupan mereka belum juga kelihatan. Hari-hari yang mereka lalui cuma sebuah lakonan yang lesu dan membosankan yang mungkin tidak akan ada kesudahannya. Inilah suatu realiti apa saja jika tiada sentuhan cinta.

“Tidakkah abang mempunyai perasaan walau sedikit pun, bahawa Yati ini adalah isteri abang,” Yati menagih sesuatu dari Azim suaminya.

“Jangan tanya yang bukan-bukan,” Azim awal-awal memberi amaran.

“Yati tidak akan memaksa abang, Yati juga tidak pernah minta apa-apa daripada abang tapi Yati harap abang akan tunaikan satu permintaan Yati ini.”

“Abang tidak berjanji kerana abang tau abang belum siap untuk melakukannya.”

“Kita harus akhiri cara hidup kita ini bang. Tak usah lagi kita menipu sesiapa termasuk diri kita sendiri. Biarlah kita hidup dalam dunia yang benar-benar wujud dan menjanjikan kebahagiaan buat kita sekeluarga,” Begitu bermakna ungkapan Yati.

“Maafkan abang kerana tidak dapat berbuat demikian,” itu saja bahasa yang diketahui Azim.

“Yati ada simpan wang sikit kita pergi haji bang...!” lantak Yati noktah.

“Haji...!” Azim terperanjat kerana dia langsung tidak menyangka bahawa Yati akan menimbulkan perkara itu.

“Kita mengerjakan haji, mudah-mudahan kita akan mendapat petunjuk dan hidayah dari Allah,” begitu Yati memberi kepastian pada Azim. Itulah kehendak Allah, kini Azim dan Yati telah menjadi tetamunya. Mereka adalah antara insan-insan yang beruntung dapat berada di celah-celah lautan manusia yang bertawaf di Rumah Allah itu.

Azim dan Yati memandang Kaabah dengan perasaan pilu dan amat terharu. Itulah kebesaran Allah sekeras mana pun hati manusia itu pasti akan lembut dan merasa rendah diri apabila berdepan dengan wajah Kaabah yang cuma satu di dunia ini. Azim dan Yati tunduk membisu kerana malu kepada Allah.

Dalam jutaan manusia yang berhimpit-himpit itu nyaris Yati terlepas dari tangan Azim, cepat Yati memegang tangan suaminya takut kalau-kalau tertinggal jauh. Gementar terasa badan Azim apabila Yati memegang tangannya. Bagaikan aliran elektrik menjalar ke seluruh badannya dan cepat Azim menoleh isterinya.

Yati cepat-cepat melepaskan tangannya takut kalau-kalau dimarahi oleh suaminya. Pandangan Azim itu seolah-olah tidak mengizinkan Yati memegang tangannya. Azim benar-benar merasakan pegangan tangan lembut seorang wanita yang memerlukan dirinya. Sekarang Azim sedar bahawa Yati benar-benar memerlukan dirinya.

“Pegang tangan abang kuat-kuat...” lembut dan perlahan suara Azim. Cepat Yati memegang tangan Azim seakan tidak terlepas

lagi. Dalam dirinya berkata, inilah satu rahmat daripada Allah berkat kesetiaan dan kesabarannya selama ini . Di depan Rumah Allah baru pertama kali suaminya minta dipegang. Walau cuma tangan tapi bagi Yati itulah sentuhan cinta yang terlalu mahal harganya.

“Sudah berapa pusingan ...?” Azim sengaja bertanya.

“Dengan ini sudah tujuh pusingan bang...” Yati menjawab puas.

Yati semakin kuat memegang tangan suaminya. Azim pula merasakan kemesraan dari pegangan seorang wanita yang baru dicintainya. Alangkah indah dan bahagianya hidup mereka seperti sekarang ini jika cinta seumpana ini ada bersama mereka sejak lebih dua tahun yang lalu.

Azim dan Yati mula mengerjakan sa'i dari Safa ke Marwah. Namun mereka masih nampak malu-malu umpama orang baru lepas mempelai. Seperti juga tawaf kurumunan manusia macam giuk dalam gantang. Mereka seolah-olah dilanda ombak di tengah lautan. Tolak sana tolak sini, ambik sana ambik sini. Sorong dan tarik yang pada akhirnya tangan Yati terlepas dari tangan suaminya.

Keriuhan dan pelbagai karenah manusia ketika itu tidak mengizinkan mereka mendengar panggilan antara satu sama lain. Azim mula cemas apabila isterinya terpisah darinya. Azim melihat kiri dan kanan, depan belakang namun Yati sedikit pun tidak kelihatan. Dadanya mula sebak dan badannya menggeletar ketakutan.

Azim mahu saja berhenti mengerjakan sa'i untuk mencari isterinya yang sudah terpisah itu, tapi dorongan dari manusia yang ramai itu tidak memberi peluang untuknya berbuat demikian. Akhirnya Azim meneruskan sa'inya dengan harapan moga akan bertemu isterinya di penghujung nanti.

Pada sebalik kejadian itu jauh di sudut hati Azim timbul bintik-bintik rasa cinta yang mendalam terhadap Yati. Perasaan begini tidak pernah wujud dalam dirinya ketika berada di Negara Brunei

Darussalam. Dia memandang Yati dengan perasaan kosong walau sudah bergelar isteri. Tapi sekarang sudah menjadi lain, perasaan itu datang tanpa diundang. Tapi yang nyata isterinya sudah tiada, sudah terpisah oleh ramainya manusia yang bersesak-sesak tanpa memperhitungkan kepedihan orang lain.

Azim merasakan badannya semakin longlai, dia seolah-olah tidak dapat bertahan untuk meneruskan perjalanannya. Azim sudah melakar dalam hatinya seribu malah berjuta andaian terhadap isterinya. Ingatan-nya kembali pada musim haji tahun lepas, di Mina beratus-ratus orang mati terhimpit ketika sedang melontar jumrah. Begitu juga di sini tidak mustahil jika Allah menghendakinya demikian.

“Barang dijauhkan Allah ..!” Azim mohon perlindungan.

Selesai bersa’i tujuh kali pergi dan balik, peluh dingin mula membasahi dahinya. Azim menyesali perlakuannya terhadap Yati pada masa-masa yang lalu, juga ketidakadilannya sebagai seorang suami terhadap isteri, semua itu timbul bagaikan kunang-kunang dalam benaknya. Dan pada saat akhirnya hatinya berbisik begitu khusyuk dengan Allah berserta jutaan penyesalan.

“Ya Allah...! Ampunkanlah dosa-dosaku jika selama ini aku menganiaya isteriku. Engkau kembalikan dia kepadaku... Aku sayang padanya... aku cinta padanya,” Azim tidak dapat meneruskan doanya dan Azim menangis.

“Mengapa abang menangis...?” Yati memegang tangan Azim.

“Ya Allah ..! Yati di mana tadi?” Azim terkejut apabila isterinya ada di sisinya.

“Yati di belakang abang tadi...!” jawab Yati mesra dan manja.

“Mulai saat ini jangan tinggalkan abang lagi...!” pinta Azim.

Azim memeluk isterinya erat-erat. Perlakuan mereka itu tidak disedari oleh orang ramai yang leka dengan urusan masing-masing. Dalam hati kecil Yati bersyukur kepada Allah, kerana telah mengembalikan suaminya ke dalam pelukan jiwanya. Buat pertama kalinya Yati tersenyum lebar kerana doanya telah diterima Allah.

TAMAT

*Pelita Brunei keluaran 7 Januari 2012*



# *NAK JADI BOS*

Oleh :  
Maya Brunei

**A**BUNAPIAH ingin merebut peluang yang sering terlepas ke tangan orang lain, sedangkan dia selaku warga boleh berbuat perkara yang serupa. Apa pun rintangannya Abunapiah tetap juga akan meneruskan cita- citanya itu, dia tahu niatnya baik dan usahanya halal.

Keinginannya hendak menubuhkan sebuah syarikat sendiri dan hidup berdikari sudah lama, cuma menunggu saat dan ketika yang baik untuk memulakannya. Kata bosnya Abunapiah belum layak berdikari dan masih memerlukan banyak pengalaman. Kata bosnya lagi Abunapiah masih muda baru lepas dua hari ulang tahunnya kedua puluh tujuh tahun.

“Sudahkah Abu fikirkan semua ini...?”

“Sudah Tuan Haji,” Abunapiah menjawab dengan penuh keyakinan.

“Apakah yang mendorong Abu berhenti dari syarikat saya dan menubuhkan syarikat Abu sendiri...?” macam temu duga memohon pekerjaan.

“Saya ingin berusaha dan berdikari selaku bumiputera yang berjaya seperti Tuan Haji sendiri,” kembang kincup lubang hidung Tuan Haji

Khalidi.

“Bukan kerana terikut-ikutan atau cuma inginkan keseronokan...?”  
Tuan Haji Khalidi bertanya lagi.

“Saya tidak pernah mengikut siapa-siapa Tuan Haji, saya ingin menjadi bos bagi sebuah syarikat kepunyaan saya sendiri.”

“Bagaimana pula pandangan Abu menjadi seorang bos ...?”

“Dihormati... disegani dan tidak dikongkong, gaji sendiri yang bayar. Dan orang bawahan sering ikut arahan kita,” Abunapiah menjawab bangga.

“Selain dari itu ...?” Tuan Haji Khalidi belum puas.

“Banyak wang dan selalu keluar negeri, apa kata bos *staff* semua angguk. Itu yang *best* Tuan Haji...!” Abunapiah kian ghairah dengan cita-citanya itu.

Tuan Haji Khalidi senyum, dia tau Abunapiah punya kebolehan untuk mengendalikan sebuah syarikat. Tuan Haji Khalidi juga bangga punya *staff* yang berfikiran jauh ke depan dan mempunyai wawasan. Kerana itu Tuan Haji Khalidi merasa keberatan untuk melepaskan *staff*-nya yang bernama Abunapiah ini.

“Saya bukan pula hendak mengongkong Abu, tapi syarikat ini masih lagi memerlukan khidmat Abu,” Tuan Haji Khalidi berterus terang.

“Sudah tujuh tahun saya bekerja dengan Tuan Haji, ketiadaan saya nanti akan dapat membuka ruang untuk orang lain pula yang akan menimba pengalaman dalam syarikat Tuan Haji ini,” Abunapiah cuba melembutkan hati Tuan Haji Khalidi.

“Itu betul Abu tapi susah hendak mendidik seseorang itu dalam jangka masa yang singkat, saya terpaksa mengambil masa yang lama

untuk melatih orang baru, dan itu adalah satu kerugian dari segi masa dan tenaga,” untung rugi harus dipersoalkan.

“Saya percaya Tuan Haji akan dapat melahirkan seorang lagi pekerja yang berpotensi, bukankah itu juga digelar jasa dan bakti terhadap bangsa dan negara...!” melembutkan hati seorang bos bukan senang, kerana itu harus memberikan gula-gula dalam bahasa.

Tuan Haji Khalidi memang merasa berat untuk melepaskan Abunapiah pekerja yang rajin dan berpotensi dalam syarikatnya itu untuk berundur diri kerana ingin memilih jalan sendiri. Tapi Tuan Haji Khalidi tidak berhak untuk menahannya kerana itu adalah kehendak Abunapiah sendiri.

Dalam waktu yang sama juga Tuan Haji Khalidi berbangga kerana dapat melahirkan pekerja tempatan yang berjiwa besar dan sedar akan tanggungjawabnya sebagai warga yang ingin berjaya. Abunapiah mulai mabuk dan khayal dengan cita-citanya yang belum tentu menjanjikan apa-apa itu.

Akhirnya Abunapiah berjaya melepaskan diri dari ikatan orang lain. Dengan berbekalkan pengalaman dan semangat yang kental, maka wujudlah ‘Pembangunan dan Pengangkutan Sirih Pinang’ milik penuh warga bumiputera.

Abunapiah benar-benar memanfaatkan pengalamannya dan mula mencari kawan-kawan untuk mengembangkan lagi sayap perusahaannya yang digelar rakan kongsi. Sebut saja Abunapiah orang akan berjinak-jinak dan bermanis muka mahupun kata, kerana sesuatu yang mereka inginkan ada pada Abunapiah.

“Kau sekarang sudah punya tampuk emas, kerana itu kau harus ingat di mana ada kejayaan di situ banyak kelemahan,” Ramansani sering mengingatkan Abunapiah agar berhati-hati walau sesama kawan apatah lagi lawan.



“Kalau kita tidak kacau orang lain orang tidak akan kacau kita.”

“Itu kata kau tapi bagaimana pula dengan orang lain.”

“Kau jangan nak menakut-nakutkan aku Raman...”

“Bukan nak menakut-nakutkan kau, aku tidak mau kau cuma dijadikan sebagai alat,” Ramansani mengingatkan Abunapiah supaya ingat apa yang ada di dalam dunia korporat yang banyak iblis dan syaitannya itu.

“Kalau kita asyik dengan berfikiran negatif, tidak mempercayai sesama sendiri, bila kita akan maju,” Abunapiah masih menganggap semua orang itu baik dan jujur.

“Rambut kita sama hitam tapi hati lain-lain Abu...”

“Aku ada projek baru untuk menubuhkan satu lagi cawangan syarikat aku,” Abunapiah menukar tajuk perbualan.

“Di mana...?” Ramansani macam berminat.

“Arab Saudi...!” Pendek jawapan Abunapiah.

“Kau nak bisnes kurma...?”

“Tahun-tahun kita sudah menerima kurma anugerah nak apa lagi.”

“Buat pakej haji dan umrahkah...?”

“Juga bukan...” Abunapiah senyum, Ramansani nampak kurang minat.

“Mengapa mesti di luar negeri dalam negeri tak jalankah...?” Ramansani membangkang lagi.

“Aku akan melantik seorang wakil untuk menguruskannya di sana,” Abunapiah berkata dengan penuh keyakinan.

“Tidak salah kalau itu rezeki mereka, kita makan sama-sama dan aku pula akan mendapat pulangan yang lebih banyak dari apa yang mereka dapat nanti.”

“Aku tau kau punya niat yang baik hendak menolong orang-orang kita, tapi jika mereka main kayu tiga dengan kau bagaimana...?”

“Dengan senang aku akan main kayu empat...!” Abunapiah menoktah perbualan.

Apa yang diinginkan oleh seorang usahawan bernama Abunapiah selama ini telah terlaksana. Impiannya ingin memetik bintang-bintang berkerdipan sudah menjadi realiti. Abunapiah mula lupa dari mana dia bermula dan pahit getir menempuh pelbagai onak serta duri untuk sampai ke puncak seperti sekarang ini.

Pendapatan semakin lumayan kerana itu dia mulai malas dan memberikan kepercayaan penuh kepada orang lain untuk menguruskan syarikatnya itu. Abunapiah cuma menerima yang pipih datang melayang dan yang bulat datang bergolek ke pangkuannya. Abunapiah cuma tahu wangnya bulan-bulan masuk ke bank begitu mudah.

Kejujuran Abunapiah berhasil diubah suai oleh teman dan lawannya menjadi senjata pemusnah yang begitu canggih, tidak terasa asap kimianya sudah masuk ke pembuluh jantung Abunapiah yang pada bila-bila masa saja Abunapiah akan jatuh tersungkur bagaikan punggur buruk.

Abunapiah mula sedar dan mengatur strategi baru perniagaannya. Otak kepalanya mula ligat berdebat antara kebenaran dan kepalsuan. Baru hendak mula tiba-tiba telefon atas mejanya berdering. Pantas tangan kirinya menyambar gagang telefon itu dan seperti ada besi berani dengan cepat mendakap di telinganya.

“Syarikat Sirih Pinang di sini ...!” Bangga...maklum...bos.

“Hello...! Bila saya tukar nama syarikat...?” Keras suara dalam telefon itu.

“Oh...! Maafkan saya Tuan Haji...!” Abunapiah gugup dan terketar-ketar apabila mengetahui siapa yang menelefon itu.

“Apa yang Abu buat tu sampai lupa nama syarikat tempat Abu bekerja...?”

“Saya pasang angan-angan Tuan Haji...” Abunapiah jujur.

“Sudah...! Petang ini saya tidak ke ofis, Abu pastikan semuanya dikunci baru balik,”

Tanpa menunggu jawapan dari Abunapiah telefon sudah terputus. Abunapiah senyum kerana teringatkan mimpinya yang indah dan tidak mungkin akan terulang buat kali keduanya lagi. Dengan berkecainya mimpi itu juga maka ‘Pembangunan dan Pengangkutan Sirih Pinang’ berkubur dalam mimpi seorang yang berjiwa besar tapi belum tercapai.

“Abu betul-betul nak berhenti...?” tanya Tuan Haji Khalidi.

“Tak jadi Tuah Haji,” Abunapiah menundukkan kepalanya, ada rasa malu sedikit.

“Mengapa...?” Tuan Haji Khalidi macam mengatil.

“Bakal tunang saya tak benarkan,” itu alasan Abunapiah.

“Bagaimana pula dengan cita-cita Abu nak jadi bos...?”

“KIV dulu Tuan Haji, kata bakal tunang saya lepas kahwin nanti,”

“Bakal tunang Abu itu kerja di mana...?”

“Pengurus di syarikat menjual barang-barang antik Tuan Haji.”

“Menjual barang-barang antik...!”

“Mengapa Tuah Haji terkejut...?”

“Siapa namanya...?”

“Hajah Siti Khalidah...” Tuan Haji Khalidi menghentak meja dan terus bangun.

“Itu anak saya...!” Abunapiah terpukau ketunggalan.

Selama ini Abunapiah tidak mengetahui bahawa Tuan Haji Khalidi itu ayah kepada Hajah Siti Khalidah bakal tunangannya. Abunapiah tersentak apabila merasakan kerusi tempat duduknya panas basah. Tanpa meminta izin Abunapiah berlari menuju ke tandas sambil hati kecilnya berbisik, bahawa bosnya selama ini ialah bakal bapak mertuanya.

“Siti tahu abang bekerja di syarikat ayah Siti...?” Siti Khalidah mengangguk sambil senyum menyebabkan Abunapiah jatuh pengsan macam pengsan Haji Bakhil.

TAMAT

*Pelita Brunei keluaran 21 Januari 2012*



# *Biarlah Rahsia*

Oleh :  
Imah Sarah

UPACARA majlis pernikahannya baru saja selesai. Lelaki yang baru dinikahinya siang tadi menghilang entah ke mana. Ia mulai memerhati keluasan bilik tidur yang harus dikongsikan dengan lelaki yang dinikahinya. Bau harum menghiasi kamar bilik tidur itu. Sebuah katil yang berhias cantik begitu indah di matanya. Satu set sofa panjang di tepi sudut jendela dan sebuah kaca televisyen menghias ruang kamar itu. Bukan itu saja, sebelah kamar tidur itu ada sedikit ruang untuk meja komputer dan dihiasi dengan buku-buku yang tersusun rapi di tepi dinding yang pasang siap. Dia melangkah masuk di sudut itu dan memerhatikan sejenak. Di atas mejanya ada sekeping gambar yang berbingkai kecil. Wajah suaminya yang berdamping mesra dengan seorang wanita, yang pasti kekasih yang terpaksa berkorban dalam pernikahan mereka. Dan keheningan malam dipendam bersama rahsia hati yang payah untuk diluahkan dengan kata-kata. Hanya lirikan matanya menceritakan bebanan di dadanya. Gambar suaminya juga ditengung lama. Ada nampak seiras, dari mata, senyuman di bibir dan raut wajahnya.

“Haruskah kita mengorbankan percintaan kita atas sebab yang tak berasas ini?” seminggu sebelum bernikah, bakal suaminya mahukan pertemuan empat mata, tanpa pengetahuan keluarga. Dia cuma diam membisu.

“Awak tak punya kekasihkah yang sepatutnya awak kongsi selama-lamanya?”

Pertanyaannya tidak dijawab. Dia tetap membisu dan tunduk. Tak mampu dia menjawab.

“Awak dengar tak apa yang saya cakap ni?” nada suaranya keras. Perlahan dia mengangkat wajahnya menatap lelaki yang bakal menjadi suaminya.

“Adakah awak punya pilihan untuk menolak?” suara halusnyanya menggetar hati naluri lelaki yang duduk segak di depannya. Memang pertama kali lelaki itu bertemu bakal isterinya, hatinya tiba-tiba terpaut, seperti kejutan elektrik gamatnya.

“Sebab itulah saya nak kita bincangkan perkara ni...” suaranya mulai kedengaran geram.

“Takkan awak nak biarkan kekasih awak merana?” dia kembali membisu bila mendengar suara yang agak keras. Tak kuasa aku nak layan mamat seorang ni, desis hati kecilnya.

“Saya tak setuju dengan pernikahan ini. Saya punya pilihan sendiri...” nada suara Azhar yang begitu kecewa.

“Saya...cuma...seorang yang terpaksa akur dengan keputusan orang tua...walau ianya bukan pilihan hati. Cinta saya pada seorang kekasih tetap terpahat di lubuk hati ini...tak akan pudar, walau...terpaksa menerima paksaan yang bukan kehendak hati tanpa kerelaan...” suara halusnyanya memukau hati lelakinya sejenak. Dia lebih banyak menundukkan wajahnya dari mempamerkan kesedihan yang berterusan.

Wajah wanita yang duduk di depannya diamatinya seketika. Matanya yang agak sepet, wajah yang bujur, halus, putih melepak, bibirnya yang mungil, hidung yang mancung dan walau tanpa mekap dia tetap nampak anggun. Cepat-cepat dia sedar. Pertemuan pertama yang dia sendiri

mengaturnya, tiba-tiba hatinya mulai goyah dengan sikap yang lemah lembutnya. Setelah mendapat tahu nombor telefon Anis, dia tak tunggu lama untuk menghubunginya. Dia teringat kekasihnya.

“Takkan macam tu pun Az tak boleh orderkan for Lina? Orang kaya macam Az pun jadi pak kedekut? Boyfriend apa Az ni...”

“Bukan tak nak belikan, tapi kalau setakat beg tangan, tak payah nak beli yang harga tinggi melangit tu...”

“But... It’s only three hundred you know...” lagaknya mengalahkan seorang datin. “It’s Gucci brand dear, come on lah...” Rengekan manja kekasihnya kadang-kadang membuat ia lemas.

“Er...Apa keputusan yang awak nak lakukan?” suara halusnyanya memamatkan angan-angannya.

“Kenapa harus kita berkorban dengan kehendak orang tua kita?” pertanyaan Anis disambut dengan pertanyaan juga oleh Azhar.

Suasana dalam restoran agak sunyi. Sengaja dia memilih tempat sebegitu agar tidak ada yang tahu akan pertemuan mereka. Yang hanya kelihatan pelayan-pelayan dan sepasang pemuda-pemudi dan beberapa wanita yang dulu satu meja.

“Anis... nama awak bukan?” Azhar cuba mengurangkan kegelisahan yang terbuku di hatinya. Pasti gadis di depannya juga punya debaran yang sama.

“Ya...” wajahnya dilemparkan di luar jendela. Matanya terpaut pada sepasang burung yang hinggap di jendela restoran itu.

“Saya nak kita sama-sama berjumpa dengan keluarga kita dan menyatakan bahawa kita tidak setuju dengan rancangan ini. Kita bantah sama-sama...” Anis mengalihkan pandangannya. Matanya bertaut dengan lelaki yang duduk melurus di depannya. Cepat dia mengalah dan kembali

mencari pasangan burung yang hinggap di jendela tadi. Nampak sangat kemesraan mereka.

“Ayah cuma kembali pada hari pernikahan kita. Jika nak batalkan pernikahan ini, saya rasa...agak terlambat...” setiap bicaranya penuh dengan kelembutan. Sesuatu yang menarik tentang gadis di depannya. Maslina, kekasih yang dikenalnya sejak di Universiti London, membuat hati lelakinya cair. Namun hatinya belum menyelami erti percintaan kepada kekasihnya itu. Memang ada ada rasa rindu bila tak bertemu, namun ia masih seperti sedang mencari dan menanti sesuatu yang tiba. Apakah?

“Jadi awak setuju nak kawin dengan saya? Eh awak tau tak, perkawinan ini tak akan berjaya. Daripada awak menanggung gelaran janda, lebih baik kita tak payah kahwin. Saya tak punya perasaan langsung dengan awak!” dia cuba menghindarkan perasaan debar yang mulai terasa.

Anis menelan pahit kata-kata yang dilemparkan. Hatinya bagai dibakar api. Dia cuba menahan getar di dadanya.

“Saya juga sama seperti awak. Apa awak ingat, saya setuju dengan rancangan ini? Hakikatnya saya tak mampu untuk membantah!” suaranya tetap halus walaupun dikeraskan. Ternyata wanita di depan matanya bukan senang nak dibawa berbincang. Hatinya tertanya-tanya, kenapa jika tak bersetuju masih mahu meneruskan pernikahan mereka?

“Kerana mata awak dikaburi dengan wang ringgit keluarga saya?” tiba-tiba perbincangan mereka mulai tegang.

“Saya tak perlukan wang ringgit awak. Saya cuma,” suaranya terhenti.

“Cuma apa? Cakaplah berapa yang awak nak?”

Anis mulai goyah. Belum pun habis Azhar meluahkan ketidakpuasan hatinya, dengan pantas dia berdiri menggapai gelas air yang ada di



depannya dan menyiram terus ke wajah lelaki di depannya. Dan kakinya terus berlari meninggalkan lelaki itu terpinga-pinga. Sebahagian pengunjung yang baru datang mulai sedar akan ketegangan yang mereka alami. Kemarahannya berapi dengan sikap dan perlakuan bakal isterinya. Sama sekali dia tidak menyangka akan terjadi seumpama itu.

Bayangan itu mulai menghantui fikirnya. Adakah suaminya akan membalas dendam atas kelakuannya tempoh hari?

“Azhar ini keputusan muktamad. Kamu harus menikahi anak Pak Cik Yusof.”

“Tapi kenapa ibu? Dia bukan pilihan hati saya!”

“Pilihan sudah ditentukan Azhar. Ibu yakin dengan Anis!”

“Ibu! *Please* lah... Az rayu...” Azhar melutut menghadapi ibunya.

“Azhar, ibu dah pesan, ibu tak larang kamu berkawan dengan siapa pun, tetapi untuk menentukan siapa bakal isteri kamu, kami yang bakal menentukan ...” hati sang ibu juga turut gundah dengan permintaan anak yang satu-satunya saja tinggal dalam keturunan mereka. Nak buat macam mana, dah wasiat Norman untuk Azhar. Tanpa pengetahuan Azhar, ibunya terpaksa berlakon malah juga terpaksa membohongi kebenaran yang wujud antara mereka.

“Ahh...” Azhar melangkah keluar dari ruang tamu dengan kecewa. Datin Faridah cuma membiarkan saja anak lelakinya yang baru saja kehilangan abangnya, menanggung amarah. Matanya hanya mengiringi langkah anak lelakinya itu. Dan air jernih turut menemani suasana petang itu. Fikirannya melangkah jauh mengingatkan hajat terakhir anak lelakinya yang sulung yang kini sudah tiada. Dan sekarang hanya tinggal Azhar saja yang menjadi kerunsingannya. Mampukah ia meyakini Azhar dengan wasiat anak sulungnya?

“Ibu ... janji dengan Norman, satukan Anis dengan Azhar...” raut

wajah seorang ibu yang penuh tanda tanya jelas sekali.

“Norman!” dalam kepayahan Norman bergelut dengan maut, dia memohon sesuatu.

“Norman tahu...ini agak mustahil...tapi, tolonglah Norman... tunaikan hajat Norman yang terakhir...selepas pemergian Norman, satukan Anis dengan Azhar...”

“Tapi kenapa Norman?” hati ibunya penuh dengan tanda tanya. Norman begitu menyayangi wanita yang menambat hatinya.

“Norman ... bersalah dan berdosa sebab pisahkan Anis dan Azhar... sepatutnya, Azhar pilihan Anis, tapi...Norman jatuh cinta dengan Anis dan mengatakan Azhar tak punya perasaan langsung terhadap Anis. Norman ... rebut cinta Anis terhadap Azhar dan Norman nak kembalikan cinta suci ini ke tempat yang sepatutnya terbina. Ibu, Azhar sebenarnya tak tahu pun yang Anis ada mengutus surat pada Azhar dan selama itu jugalah Norman yang simpan dan menyambut cinta Anis...”

Ibunya masih terpinga-pinga dengan pengakuan anak sulungnya. Dia masih tak faham apa yang ingin disampaikan Norman hingga sanggup membohongi dan merampas sesuatu dari adik kandungnya sendiri demi sebuah perasaan cinta yang membutuhkan hati dan perasaannya.

“Norman... ibu tak faham ...”

“Anis sewaktu ketika dulu, ada membalas surat pada Azhar, tetapi Norman yang menjadi orang tengah dia orang, memutuskan untuk tidak menyatukan Anis dan Azhar, sebab Norman dah jatuh hati pada Anis. Norman cakap kat Azhar yang Anis tak nakkan Azhar. Tetapi di sebaliknya, Norman membalas surat Anis dan dari situ berputiklah cinta Anis pada Norman. Lebih mudah lagi, Azhar pada mulanya memakai nama Norman, ternyata menjadilah bibit cinta ini.”

“Anis...tak tahu yang Norman tu sebenarnya Azhar sendiri?”

Tanya ibunya setelah mengetahui hal sebenar. Norman menggelengkan kepalanya.

“Tak...tapi...Norman dah sediakan penjelasan Norman padanya dalam diari rahsia hati. Ibu...tolonglah sampaikan hajat Norman dan berikan diari ini pada Anis nanti...” Norman menyerahkan sebuah buku kecil yang bertulis rahsia hati, biarlah rahsia... Walau berat sekali untuk melaksanakan hajat anaknya, namun Datin Faridah, ibu Norman dan Azhar terpaksa akur dan mengalah.

“Ibu, Azhar tak tahu hal ini, jadi, tolonglah rahsiakan hal ini, dan harap ibu terangkan pada Anis. Norman tau, kata maaf belum cukup untuk membuat Anis percaya, sebab itu, ibu serahkan surat yang Anis tulis pada Azhar, sebagai bukti...”

Tangisan anak lelaki sulungnya yang betul-betul menyentuh perasaan naluri seorang ibu.

Begitu dia merasakan betapa dalamnya cinta Norman melebihi segalanya hingga ke penghujung hayatnya. Norman akhirnya pergi dalam lenanya buat selama-lama, tanpa seorang pun ahli keluarga mahupun kekasih hatinya di sisi. Jantungnya sering dirasakan sesak membuat Norman sering mengalami kesakitan. Dan doktor mengesahkan paru-paru Norman berlubang, tanpa sempat diselamatkan. Anis memang tidak tahu hal itu. Kemelut yang bakal ditempuhi ibu Norman, bukan saja menjadi bebanan, malah menunaikan hajat yang berupa wasiat juga adalah perkara yang bukan mudah. Kenapa anak-anak mempermainkan sebuah percintaan yang tidak sepatutnya berlaku antara mereka.

“Helo? Boleh...saya cakap dengan Anis Safiqah?”

“Helo, saya Anis Safiqah. Ini?”

TAMAT

*Pelita Brunei keluaran 10 Mac 2012*



## **Terima Kasih Hana**

Oleh :  
Haikal Hamzah

MATAHARI pagi yang memancar terik seakan tidak mampu menahan keasyikan mereka menangkap dan membaling bola dari satu hujung ke satu hujung gelanggang itu. Gelanggang bola jaring riuh-rendah dengan suara-suara pelajar perempuan yang bermain pada waktu subjek Pendidikan Jasmani.

“Hana, Rukun Islam tu apa?” tanya Alice tiba-tiba. Dahiku berkerut mendengar pertanyaannya. Alice yang menunggu jawapan dariku hanya diam takut-takut kalau pertanyaannya tu jadi bahan ketawaku.

“Rukun Islam tu ada lima perkara,” aku tersenyum.

“Yang pertama mengucap dua kalimah syahadat, sembahyang lima waktu, mengeluarkan zakat, puasa di bulan Ramadan dan akhir sekali menunaikan fardu haji,” sambungku lagi.

Alice hanya diam sambil mengangguk-anggukkan kepalanya seolah-olah faham akan lima perkara itu. Kenapa tiba-tiba anak tauke sebelahku ini bertanya hal yang sedemikian, detik hatiku.

“Nanti petang aku pergi ke rumah kau ya Hana, masih banyak yang nak aku tanya ni,” kata Alice sambil menghulur sebotol air kepadaku.

“Datang sajalah,” jawabku tersenyum.

Alice... seorang sahabat yang baik dan ceria. Walaupun kami berlainan bangsa dan agama tetapi kami tidak pernah berselisih pendapat. Ayahnya seorang tauke Cina berjaya yang mempunyai pelbagai cawangan kedai. Ibu Alice seorang guru salah sebuah sekolah menengah. Walaupun Alice tergolong dari keluarga yang kaya, namun begitu Alice dan keluarganya tidak pernah sombong malah suka menolong sesama insan.

Pertanyaan Alice semakin mendalam mengenai Islam pada petang itu. Aku menghidangkannya teh panas dan kari pap daging buatan ibuku sendiri. Alice memang sering datang ke rumah, kadangkala kami berbincang tentang pelajaran sekolah dan juga berbual-bual kosong.

“Jadi sembahyang tu ada lima waktulah...” kata Alice sambil menghirup teh.

“Indahnya yang bernama Islam tu ya, tapi aku jarang tengok kau sembahyang pun kalau perbuatan tu wajib,” Alice ketawa terkekek-kekek seolah-olah memerliku.

“Kau mulut tak berinsurans ke...aku sembahyanglah. Tak sembahyang Allah marah, tak ada bekalan untuk di Hari Akhirat nanti,” jawabku serius.

Mulut Alice ternganga dan jelas sekali kelihatan dahinya berkerut. Mungkin dia musykil dengan apa yang dimaksudkan dengan akhirat. Baru saja tadi Alice bertanya semua tentang Rukun Islam. Aku menerangkan kepadanya satu persatu sambil menunjukkan buku-buku

tentang Islam yang kupinjam tadi dari ibu.

“Macam inilah saja Alice.. Hari Sabtu ni kau tidur saja di sini, nanti aku suruh ibu terangkan kau lebih lanjut lagi tentang agama kami.”

“Tak naklah. Malulah aku dengan ibu kau nanti,” Alice membantah.

“Tak apalah. Ibu kan guru agama...dengan dia lebih jelas lagi. Aku cuma ala kadar saja,” jawabku dengan senyuman sambil memegang bahu Alice.

Di pagi yang indah diiringi dengan kicauan burung membuatkan tubuh badanku bertambah segar selepas membuat senaman selama 20 minit tadi. Tiba-tiba aku teringat Alice. Sedang buat apa dia sekarang. Dua hari yang lepas wajahnya kelihatan pucat dan lesu. Bila aku tanya Alice tidak berkata apa-apa, hanya diam tersenyum.

Kadangkala aku berfikir seorang diri. Alice kerap bertanyakan tentang Islam. Hendak masuk Islamkah dia. Syukurlah jika memang ada terniat di hatinya tapi melihat akan keluarganya yang kuat berpegang dengan agama mereka, aku yakin Alice hanya bertanya cuma sekadar ingin tahu sahaja.

“Hana, Alice telefon,” teriak ibu dari bilik tamu. Panjang umur budak ni dalam hatiku.

“Hana, aku nak jumpa dengan ibu kaulah? Dia tak pergi mana-mana kan? Kalau tak aku nak pergi sekarang ini juga,” budak ini tak bagi aku peluang langsung nak tanya khabar dia, terus saja secepat kilat soal itu soal ini.

“Datang sajalah, aku tunggu. Lepas ni aku beritahu ibu, aku rasa dia tak ke mana-mana hari ni.”

Sudah seminggu Rabiatal tidak hadir ke sekolah. Kata Cikgu Mardiana, dia cuti sakit. Hendak bertandang ke rumahnya, Rabiatal tidak mengizinkan dengan alasan dia demam selesema, takut-takut penyakitnya berjangkit.

Rabiatal Adawiyah, itulah nama yang dipilih oleh Alice sebulan yang lalu. Hatiku tersentuh apabila Alice menyuarakan hasrat hatinya itu. Keluarganya tidak menghalang akan kemahuan Alice masuk Islam. Aku menangis terharu ketika mendengar Alice mengucapkan dua kalimah syahadat di rumah Allah. Ibu yang mengatur semuanya, dari urusan masjid, urusan pejabat agama dan juga majlis pengislaman Alice.

Dari sejak itu, Rabiatal sering datang ke rumah malah hampir setiap hari untuk belajar mengaji bersama ibu. Kami juga sembahyang berjemaah bersama-sama. Rabiatal sudah tidak malu lagi bertanyakan tentang Islam dan bermacam-macam lagi.

“Terima Kasih Hana... kaulah sahabat aku yang baik dunia dan akhirat,” Rabiatal memelukku erat-erat. Terdengar jelas sekali suara tangisan kecil dari Rabiatal, waktu itu hanya Tuhan yang tahu apa yang kurasakan saat itu. Sebak dadaku mendengar ucapannya. Apa akan jadi apabila kami berpisah, detik hatiku. Mampukah aku mendapat seorang sahabat baik seperti Rabiatal.

Enam tahun kemudian, aku duduk di bangku memerhatikan anak-anak burung di atas pokok sana sedang asyik bermain. Kicauan suara mereka beralun merdu kedengaran di telingaku. Cuaca sangat redup pada ketika itu kerana matahari tidak lagi bersinar. Angin datang berhembus perlahan, namun mampu membuatkan tudung di kepalaku bergerak-gerak.

Kupejam mataku, cuba nikmati ketenangan suasana. Tiba-tiba diriku dihampiri oleh seseorang.

“Assalamu'alaikum, sahabatku dunia dan akhirat,” tersentak jantungku mendengar gelaran itu. Sepanjang hidupku, hanya arwah

Rabiatul yang gemar memanggilkmu dengan panggilan itu.

Aku mencari-cari kelibat arwah Rabiatul.

“Rabiatul,” aku sudah merintih di saat itu.

“Aku di sini Hana,” lembut suara itu menyapa deria dengarku. Aku menoleh ke arah suara itu. Rabiatul berada di sisiku dengan senyuman manis.

Jernihnya wajah arwah Rabiatul mengundang air mataku.

“Demi Allah, aku amat rindu kau Rabiatul. Mengapa kau sampai hati tidak memberitahu penyakitmu itu. Katamu aku sahabatmu dunia akhirat tapi apa kenyataannya. Kau sembunyikannya dari pengetahuanku.”

Aku mencapai tangan arwah Rabiatul. Syahdu hatiku menyentuh tangan yang sekian lama tidak pernah kugenggam selepas pemergiannya.

“Aku juga rindu pada kau Hana,” aku terus menangis teresak-esak demi mendengar setiap patah perkataan itu.

“Maafkan aku Hana kerana tidak memberitahumu hal yang sebenar. Tapi percayalah, kaulah sahabatku yang paling aku sayang. Terima kasih Hana atas pertolonganmu selama ini. Maafkan aku Hana jika selama ini aku banyak menyusahkan kau dengan ibumu.”

“Jangan cakap begitu Rabiatul. Kau tidak pernah menyusahkan aku mahupun keluargaku.”

“Hana aku terpaksa pergi. Jaga dirimu. Mudah-mudahan, di Padang Mahsyar nanti kita akan bertemu.”

Aku gelisah tidak berkata apabila arwah Rabiatul sudah mahu pergi. Aku mendakap Rabiatul sekuat hati.



“Jangan pergi Rabiatul, aku tidak ingin berpisah denganmu lagi. Kau sajalah sahabat yang mengerti aku. Tolong Rabiatul,” aku merayu-rayu.

Namun, arwah Rabiatul hilang begitu sahaja. Hilang yang tidak mungkin akan ditemui. Serentak itu mataku terbuka luas. Aku mencari-cari bayangan sahabat yang kusayangi itu.

Ibu yang tidak berada jauh dari situ segera menuju ke arahku. Bimbang melihat diriku yang menangis teresak-esak bagaikan orang yang hilang arah.

“Hana kenapa ni?” ibu menyentuh bahunya.

“Rabiatul datang menjengukku ibu. Lepas itu dia pergi meninggalkanku. Aku bersalah ibu kerana di saat dia sakit aku tidak mampu berbuat apa-apa ibu.”

“Hana memang penyakit arwah Rabiatul tidak ada ubatnya. Dia menghidap penyakit barah otak Hana. Ini sudah ajalnya, kita mesti terima hakikat dan berserah kepada Allah. Sesungguhnya yang hidup akan kembali kepada-Nya jua Hana,” ibu mengusap air mataku.

“Hana esok pagi kita pergi menziarahi kuburnya. Kita doakan Al Faatihah semoga rohnya dicucuri rahmat.”

Aku hanya diam mengangguk. Ibu meninggalkanku sendiri mungkin ibu tahu aku perlu sedikit ketenangan. Hatiku sebak apabila teringat pada ketika dulu di saat arwah Rabiatul hendak menghembuskan nafasnya yang terakhir, dia hanya tersenyum padaku.

Setiap saat, setiap detik tidak pernah aku lupa akan ertinya sahabat seperti yang aku ranjau bersama dengan Rabiatul ketika waktu dulu di saat suka ataupun duka.

Aku memanjatkan syukur ke hadrat Ilahi kerana masih memberi aku peluang untuk hidup dan di saat yang sama juga, walaupun aku kehilangan

seorang sahabat sekurang-kurangnya aku dapat mendoakannya agar semua amalannya di dunia diterima oleh Allah jua.

“Terima kasih Hana,” langkahku terhenti mendengar seperti ada suara berbisik di telingaku. Aku tersenyum sendiri. Semoga rohmu di tempat orang-orang yang beriman, Rabiatal Adawiyah.

TAMAT

*Pelita Brunei keluaran 14 April 2012*



## *Milik siapa hati ini*

Oleh :

Haji Jamaluddin Aspar

**L**AMA juga Dini terhinggut-hinggut hendak keluar dari Masjid Nabawi setelah selesai mengerjakan sembahyang Fardu Zuhur berjemaah. Semua itu disebabkan segelintir jemaah yang seperti sengaja sembahyang sunat di lorong laluan keluar dalam masjid itu dan tidak kurang juga ada yang sembahyang tidak jauh dari pintu keluar. Itulah sedikit sebanyak penyumbang berlakunya kesesakan untuk keluar dari Masjid Nabawi itu.

Dini tidak terus balik ke hotel tempat dia menginap, dia lebih dahulu ke kedai buku untuk melihat buku-buku berbahasa Melayu. Biasanya buku-buku yang dijual itu adalah daripada terjemahan bahasa-bahasa lain ke dalam bahasa Melayu.

Alhamdulillah...Dini dapat juga membeli beberapa buah buku yang dikehendaknya seperti buku-buku 'Sejarah Mekah Al-Mukarramah dan Sejarah Madinah Al Munawwarah' dan juga buku-buku lain yang menceritakan pelbagai kisah mahupun sejarah di kedua-dua Tanah Suci itu.

## HOTEL TAIBAH

Dini meluru masuk ke ruang lobi hotel itu, tapi malangnya Dini terjun tepi pintu menyebabkan buku-buku yang dipegangnya itu jatuh berselerak di muka pintu masuk. Dini sedikit cemas kalau-kalau ada orang yang nampak apa yang telah berlaku, mujurlah tidak ramai orang berada di lobi hotel itu, yang ada cuma orang-orang Arab yang tidak kisah tentang hal orang lain.

Sebenarnya Dini tidak menyedari ada orang yang mengenalinya dan terus memerhatikan gerak-gerinya itu. Seorang wanita berumur pertengahan 50-an yang sedang memerhati, lantas menyapa Dini dengan lembut. Dini kenal suara itu walaupun belum melihat wajahnya, tapi tidak dapat meneka siapa orangnya.

“Assalamu'alaikum...!” salam wanita itu lembut dan bersopan.

“Waalaikumsalam...” Dini menjawab sambil terpinga-pinga seketika.

“Kau tidak kenal aku lagi...?” wanita itu yakin dia tidak salah orang.

“Jesica...?” Dini yang juga berumur sebaya dengan wanita yang dipanggilnya Jesica itu hampir tidak percaya semuanya itu wujud di hadapannya sekarang.

“Kalau aku Jesica...pasti aku tidak akan berada di sini, di Kota Madinah ini. Suara wanita bernama Jesica itu masih lembut dan manja, walaupun sudah dimakan usianya.

Dini seperti berada di zaman remajanya yang mudah gementar bila berhadapan dengan wanita yang pernah mengusik jiwanya.

“Maafkan aku Jesica...aku tidak menyangka...”

“Barangkali kau terlalu gembira...?” Jesica seolah tahu apa yang

sedang dirasakan oleh Dini.

“Mungkin juga, kerana sudah terlalu lama kita tidak berjumpa,” Dini mengiakan.

“Buat apa kau di sini...?” Soalan yang membazir tanpa disedari oleh Jessica.

“Kau sudah lupa...” sebelum Jessica menjawab mereka duduk di sofa yang tersedia di ruang lobi hotel itu. Dini meletakkan buku-bukunya di atas meja kecil di hadapannya. Jessica juga meletakkan begnya di atas meja yang sama.

“Sepatutnya aku tidak tanya macam itu...” Jessica menyedari kesilapannya.

“Tidak mengapa... kita manusia biasa sering lupa, apa lagi dalam keadaan yang seperti ini,” Dini menjaga perasaan Jessica agar tidak tersinggung.

“Aku sama sekali tidak menduga bahawa kita akan bertemu di sini,” Jessica membetulkan tudungnya walaupun sudah kemas dan rapi.

“Siapa pun tidak dapat menduga semua itu kecuali Allah, di Brunei kita seolahnya terlalu jauh dan di sini pula jauh tapi ternyata kita dekat,” Dini pula membetulkan topi putihnya yang sudah selesa.

“Sebentar tadi aku bagaikan bermimpi... aku ingin menolong kau tapi aku tidak berani,” Jessica tunduk tapi matanya sempat menjeling manja ke arah Dini. Sebuah jelingan yang mendebarkan jantung Dini di suatu ketika dahulu.

“Hati kecilku memaksa aku agar cepat datang ke sini, rupa-rupanya ada seseorang sedang menunggu kedatanganku,” Dini sempat menyindir, macam waktu mereka muda-muda dahulu, tanpa menyedari semua itu sudah menjadi nostalgia masing-masing.

“Kau ke sini bersama siapa...?” Jesica mula bertanya soal peribadi, kerana dia tidak tahu apa lagi yang harus ditanyakan. Sebenarnya Jesica segan tapi didorong oleh kegembiraan membuatkan Jesica sedikit berani.

“Sendiri...kau...?” pendek jawapan dan sekali gus pertanyaan Dini sambil memandang wajah Jesica yang sekian lama menghilang dalam dirinya dan kini muncul semula tanpa diundang.

“Kerana itu kau tidak memanggil aku Jes...?” Jesica tunduk.

“Aku sudah lupa nama itu,” Dini pula memandang wajah Jesica dengan pandangan nostalgia.

Jesica merasa malu dan tidak berani memandang wajah Dini di hadapannya itu, walau wajah itu sering didambakannya selama ini. Jesica merasakan dirinya seakan di musim remajanya dahulu. Dadanya mulai berombak.

Dini faham mengapa Jesica tidak berani memandangnya wajahnya yang sudah tidak sekacak dahulu itu lagi, Dini juga mengerti mengapa Jesica tidak sanggup memandang tubuh badannya yang sudah kering kontang dimakan anai usia itu.

Dalam diri Dini dan Jesica sama-sama berbicara. Mereka serentak memandang manusia yang keluar masuk serta mundar-mandir di ruang lobi hotel itu dengan pandangan yang kosong. Bola mata mereka nyata berpandangan, tapi hati mereka jauh mengembara.

Biarkan mereka berdua terbang jauh melimpasi alam nyata dan biar mereka berpesta dalam kenangan manis di masa silam mereka masing-masing, agar kemesraan mereka yang sudah menjadi batu asas itu dapat mereka nikmati bersama walau cuma di alam fantasi.

Dini adalah teman Jesica ketika mereka sama-sama remaja terang-tang-tang 35 tahun dahulu. Dini berkhidmat di sebuah jabatan kerajaan di Kuala Belait, Jesica pula masih belajar dalam jurusan undang-undang.

Pada mulanya memang persahabatan mereka itu cuma kawan biasa, tapi setelah lama mengenali hati dan budi masing-masing, maka timbullah satu perasaan halus dan hening dalam diri mereka yang digelar cinta.

Harapan ayah Jesica untuk menjadikan Jesica sebagai seorang peguam hampir terkandas sebagaimana yang dikehendaki oleh ayahnya yang juga seorang peguam. Jesica mengejar cinta yang ada pada jejaka Melayu bernama Dini ini menyebabkan pelajarannya sedikit terabai.

Belum pun sempat kuntum yang dinamakan cinta itu mekar dan berputik, bangsa dan pegangan hidup masing-masing telah menjadi penghalang bagi mereka untuk meneruskan bancuhan aneka rasa cinta mereka itu. Akhirnya mereka terputus hubungan.

Jesica dipaksa dan terpaksa belajar di luar negara demi memenuhi kehendak ayahnya, ini paling menyeksakan zahir dan batin Jesica. Walaupun Jesica tahu apa yang dilakukan oleh ayahnya itu adalah untuk masa depannya sendiri. Hidup tanpa ilmu bagaikan sampah di permukaan air, apabila air surut ia akan ke muara dan manakala pasang pula ia akan ke hulu.

Bertahun-tahun Jesica di luar negara menimba ilmu untuk bekalan hidup masa depan walaupun dengan hati dan perasaannya yang tercalar. Akhirnya Jesica kembali ke tanah air dengan memperolehi kejayaan sebagaimana yang diharapkan oleh ayahnya.

Tapi kegembiraan itu bertukar menjadi kedukaan apabila ayahnya meninggal akibat serangan jantung, ketika sedang bertugas di dalam mahkamah belum pun sampai tiga hari ayahnya menimang kejayaannya itu. Jesica merasakan pengorbanannya untuk ayahnya selama ini tidak punya erti apa-apa.

Jesica cuba mengubati luka hatinya itu dengan mengharapkan kehadiran Dini di sisinya, tapi malangnya Dini juga menghilangkan hingga tiada meninggalkan kesan untuk dicari. Satu jalan terakhir bagi Jesica, dia nekad hendak menamatkan hidupnya dengan jalan membunuh diri.

Peter pula muncul sebagai penyelamat sesuai dengan pesanan ayah Jessica. Diam-diam Jessica telah pun ditunangkan oleh ayahnya dengan Peter tanpa pengetahuan Jessica sendiri. Jessica mesti kahwin dengan Peter dan itu harus terjadi.

“Kau belum menjawab pertanyaanku Jessica,” setelah mereka kembali dari memamah nostalgia masing-masing yang sudah berkubur tanpa nisan itu.

“Maafkan aku Dini...” pendek jawab Jessica. Dini nampak Jessica menyapu air matanya yang meleleh dengan kain telekungnya yang putih, seputih hati nurani dan setulus jiwanya yang membawakan kakinya berpijak di bumi Madinah itu.

“Kau menangis Jessica...?” macam dialog drama, Dini tunjuk simpati.

“Entah...apakah aku menangis kerana sedih bertemu denganmu di sini, atau gembira kerana aku berada di tempat ini...” Jessica masih menyapu air matanya yang terus-terusan meleleh itu.

Dini menatap wajah Jessica yang dibungkus dengan tudung itu masih tidak berubah, malah bertambah manis dan ayu. Maklumlah Jessica orang pertama dalam hidupnya. Dan jika silap-silap pandang orang akan menyangka Jessica seorang wanita Melayu seratus persen walaupun dia daripada puak Dusun.

“Inilah rahmat yang diberikan Allah kepada hamba-hamba-Nya seperti kita ini. Walau pahit untuk ditelan tapi semua itu ada nikmatnya,” Dini berusaha meredakan gelora di hati Jessica.

“Tujuh bulan selepas aku bersara, aku memeluk agama Islam dan tidak lama selepas itu aku menghadirkan diri di sini,” Jessica berhenti menangis.

“Kau bersama suamimu ke sini...?” Dini sengaja menebak



untung-untung mengenai sasaran. Dalam hatinya penuh debaran menanti jawapan Jessica, walaupun jawapan itu tidak punya apa-apa makna pada dirinya sekarang.

“Adik lelakiku...dia jua memeluk agama Islam bersama-sama dengan aku.”

“Suamimu...?”

Dini masih dengan pertanyaan yang sama walaupun perkataannya berlainan. Itulah orang lelaki selalu mementingkan diri sendiri, belum dapat apa yang dihajatkan sampai kiamat pun akan tetap mengajukan pertanyaan yang serupa.

“Setelah ayahku meninggal aku kahwin dengan Peter,” Jessica berhenti seketika, dia memandang Dini yang mulai gelisah apabila Jessica menyebut perkataan kahwin itu.

“Kenapa dia tidak bersamamu...?” alunan pertanyaan Dini sudah berubah, kerana sekarang Dini sedang berbual dengan isteri orang.

“Selepas dua bulan kami kahwin dia meninggal dunia dalam satu kemalangan jalan raya, keretanya terbabas di sebuah jambatan lalu jatuh ke dalam sungai,” Jessica berhenti lalu memicit hidungnya dengan tisu bagi menghalang air pekat dalam hidungnya yang sudah julung-julung hendak keluar itu.

Dini diam, barangkali sudah mendapat kepuasan atas penjelasan Jessica itu. Peter adalah seorang lelaki dan suami yang baik, tapi kebaikan Peter itu tidak dapat menakluki hati Jessica walaupun sudah bergelar isteri. Perkahwinan mereka cuma di atas kertas, Peter tidak memperolehi apa-apa dari Jessica walaupun sudah menjadi isterinya. Kerana cinta Jessica terhadap jejak Melayu itu amat mendalam hingga berjaya menutupi hatinya untuk jejak lain walau daripada bangsanya sendiri.

“Maafkan aku Jessica...aku tidak bermaksud untuk mengguris

lukamu itu.”

“Tidak mengapa Dini, ada kalanya kita menghendaki luka lama itu biar berdarah kembali,” Jesica mengeluh sambil memandangi wajah Dini, wajah yang dulunya menjanjikan ada sinar bahagia untuk hidupnya sepanjang hayat.

“Namamu sekarang...?” sengaja Dini mengalihkan persoalan, dia faham apa yang tersirat daripada luahan kata-kata Jesica itu. Sesekali Jesica terasa panas walaupun ruang lobi hotel itu berhawa dingin.

“Siti Hajar...” pendek jawab Jesica.

Jesica atau Siti Hajar adalah orang yang sama. Apa pun namanya dan bagaimanapun sebutannya, tapi yang penting Jesica sudah pun menjadi seorang Muslimah. Dini merasa bangga. Dini ingin meneruskan lagi perbualan dengan Jesica/Siti Hajar kerana dia belum merasa puas berbual dengan orang yang juga dicari-carinya selama ini. Masa tidak begitu menyebelahi mereka. Azan menandakan waktu fardu Asar berkumandang menjadi pemisah perbualan dua insan yang baru bertemu setelah lama berpisah itu.

“Assalamu’alaikum...” Jesica/Siti Hajar lalu bangkit dari duduk.

“Walaikumsalam...” Dini menjawab juga terus bangkit.

Jauh di sudut hati mereka masing-masing kian terhiris. Apa pun mereka akan tetap menahan hirisan luka itu hingga mereka diketemukan kembali di Negara Brunei Darussalam nanti, kiranya Allah melanjutkan usia mereka untuk mengenali milik siapakah hati mereka itu sebenarnya, kerana esok mereka berdua akan berpisah.

Esok Dini akan pulang ke tanah air dan Jesica/Siti Hajar pula akan meneruskan perjalanannya ke Kota Suci Mekah Al-Mukarramah.

TAMAT

*Pelita Brunei keluaran 16 Jun 2012*

# *TUHAN, BERI AKU CINTA*



Oleh : Qym

“DIA bukan anak aku, kau faham tak?” tengkingnya.

Air mata bercucuran membasahi pipiku. Ini bukanlah hidup yang aku mahu. Aku terpaksa. Jikalau bukan kerana ingin menutup aib, aku tak akan buat begini. Ya Allah, tabahkanlah hatiku. Kuatkanlah aku menempuh segala ujian yang Engkau berikan padaku. Sayu mata memandang apabila sang suami berkata begitu.

Aku kini mengandung dua bulan dan dua bulanlah juga aku bergelar isterinya. Jikalau masa itu dapat diundur, aku rela. Aku inginkan kebahagiaan dan kasih sayang daripada seorang yang bernama suami. Aku lantas menggeleng-gelengkan kepalaku. “Ini anakmu Yan suami ...” aku berkata di dalam hati.

“Awak hendak ke mana?” tanyaku perlahan.

“Jangan sibuk! Ini hal aku,” dia membalas.

Aku melangkah keluar bilik dengan longlai. Aku tahu dia hendak ke mana. Sakit rasa hati ini namun aku tak mampu berbuat apa-apa. Dialah segalanya bagi suamiku. Perempuan yang bertakhta di hatinya selepas dia meninggalkan aku dahulu. Dia berkata akulah penyebab dia tidak dapat bersama dengan wanita itu. Aku tidak melarang dia bersama wanita itu, kerana aku tahu dia menyintai wanita itu lebih daripada aku.

Melangkah masuk ke pintu dapur bertemu dengan ibu mertuaku. Dia tidak menyukai aku sedari dahulu kerana aku bukan menantu yang dia mahu. Aku tidak menyalahkan ibu mertuaku. Aku sedar aku siapa. Aku memberikan senyuman kepada ibunya, namun dia tidak membalas. Aku memberi salam kepada ayah mertuaku. Dia membalasnya.

“Awak tidak kuliah ke?” tanya ayah mertuaku.

“Pukul 10.00 nanti, yah. Neesa hendak memasak dahulu,” balasku.

“Ialah tu, memang itulah kerja seorang menantu yang tidak diterima dalam keluarga ini,” sindir ibu mertuaku.

Air mataku menitis perlahan. Ya Allah, kuatkanlah hatiku ini, lembutkanlah hati ibu mertuaku untuk menerima aku dalam keluarga ini.

“Hish! Awak ni, kan ke dia anak kita. Jangan ambil hati ye Neesa,” kata ayah mertuaku.

Aku berlalu ke belakang. Hatiku luluh. Satu per satu hidupku diambang derita. Aku mengusap-usap perutku yang kini kian membesar. “Sayang ... bilakah masanya hati ayahmu berubah hati ... mama begini hanya keranamu sayang,” aku bercakap sambil mengusap perutku mengharapkan pengertian seorang anak iaitu darah dagingku sendiri.

Tepat pukul 9.30 pagi, aku bertolak dari rumah menuju ke universiti. Aku membayangkan jika sekiranya ada rasa cinta di hati sang suami terhadapku. Aku membayangkan dia akan menghantar dan menjemputku pulang saat aku sedang sarat mengandung ini. Aku menggeleng-gelengkan kepala kerana aku tahu semua itu tidak akan terjadi.

Aku melepaskan segala kekusutan di dalam hati semasa kuliahku. Aku akan belajar di perpustakaan kerana itulah sahaja masa untuk aku belajar. Aku pulang pukul 5.00 petang setiap hari kerana aku tahu suamiku sentiasa pulang lewat. Dia akan berjumpa dengan kekasih hatinya selepas kerja. Aku sentiasa membayangkan apakah yang mereka lakukan. Saat itu hatiku luluh dan pedih. Dia suamiku yang sah. Dia tidak pernah menyentuhku selepas kami berkahwin. Pernah suatu ketika aku ingin bersalam tangan dengannya, dia segera menepis dan berkata dia tidak ingin menyentuhku.

Aku sampai ke rumah mertuaku pukul 5.30 petang. Aku lihat ayah mertuaku sedang *berjogging* di kawasan berhampiran. Ayah mertuaku memang rajin bersukan. Ibu mertuaku sedang menyiram bunga. Aku menghampirinya dan ingin menolongnya.

“Tak payah nak tunjuk baik kat aku.” Ibu mertuaku berkata dengan kasar. Aku merasa sayu lantas masuk ke dalam rumah. Adik kepada suamiku, Ifah menegurku.

“Hai kak! Apa khabar *baby today?*” dia senyum kepadaku. Aku tersenyum.

“*Baby* baik sangat! *Like mother like baby,*” kataku. Ifah menjulurkan lidahnya kepadaku. Dia memberiku segelas air sejuk. “*Thank you* Ifah,” kataku.

Aku mendengar bunyi kereta masuk ke dalam garaj. “Dia dah pulang,” bisikku. Aku cepat-cepat masuk bilik dan mandi. Aku tidak ingin melihat wajahnya kerana aku akan teringat wajah kekasihnya. Selesai mandi, aku seterika baju-baju suamiku. Selesai sahaja kerjaku,

aku memasak di dapur untuk semua. Begitulah rutin harianku.

Selepas sahaja makan, aku masuk ke dalam bilik. Semasa aku masuk, aku terdengar bunyi telefon bimbit suamiku menandakan mesej datang. Aku lihat perlahan-lahan. Hati ini membuak-buak ingin tahu apakah isinya. Aku membuka mesej itu. “Sayangg, *thank you* sangat! Tapi *I* tak puaslah jumpa *you*. Esok kita jumpa lagi ya? *Miss you so much baby!*” hatiku terasa ingin jatuh. Pintu bilik tiba-tiba terbuka. Suamiku masuk dan terlihat aku memegang telefon bimbitnya.

“Apa hak kau pegang *handphone* aku?” Marahnya kepadaku.

“Aku isterimu yang sah,” jawabku tulus. Aku memberi telefon bimbitnya. Aku segera berbaring di atas katil. Aku ingin menutup mataku. Aku ingin tidur. Aku tidak ingin melihat sesiapa. Lantas tanpaku sedari aku menangis. Air mataku mengalir dengan derasnya. Apakah ini yang dinamakan sebuah perkahwinan? Sambil menutup mata, aku mengusap perutku. “Sayang ... mama sakit ... kuatkanlah hatiku ya Allah ...,” bisikku di dalam hati. Aku terdengar suara berbisik. Aku tahu suamiku sedang bertelefon dengan wanita itu. Tidakkah dia menyedari dia sedang menghancurkan rumah tangganya sendiri?

Keesokan harinya, aku terbangun dan melihat suamiku sedang enak tidur. Aku perlahan-lahan membelai pipinya. Dialah lelaki pertama yang aku cintai semasa umurku 16 tahun dan kini adalah suamiku. Aku menyayanginya walaupun dia buat aku begini. Aku mengandungkan anaknya, darah dagingnya sendiri. Dia terbangun. Aku terkejut lantas bangun memasuki bilik mandi. Aku malu yang teramat. Selesai sahaja mandi, aku cepat-cepat memakai baju dan tanpa aku sedari rupanya dia sedang berdiri di belakangku. Dia mencium rambutku. Aku rindu itu semua kerana dia memang menyukai bau rambutku. Itulah kali pertama dia membuatku begitu sepanjang perkahwinan kami.

“Apa kau buat tadi?” Dia tiba-tiba menarik rambutku dan memarahiku. Aku hanya berdiam diri. Sakitnya hanya Tuhan sahaja yang tahu. Tiba-tiba dia menamparku. Aku terkejut dan terus menangis. Dia

terus keluar bilik tanpa berkata apa-apa. Aku terduduk menahan kesakitan. “Ya Allah, apakah ini ujian-Mu kepadaku? Tuhan ... berikanlah aku cinta ... aku juga berhak bahagia ...” Aku terus menangis.

Aku keluar bilik dan terus menuju ke dapur. Aku melihat ibu mertuaku sedang bersarapan bersama ayah mertuaku. Ayah mertuaku melihatku dan terkejut.

“Neesa, kenapa mata awak bengkak?” tanyanya lembut. Belum sempat aku menjawab, ibu mertuaku menyampuk.

“Itulah, bini tak pandai jaga suami. Biarlah Dillah tu ceraikan kau,” tempelak ibu mertuaku.

Aku menangis dan terus terduduk. Aku menangis sekuat hatiku.

“Ma, Neesa tahu mama tak suka Neesa. Neesa pendam semua ni, ma.” Memang Neesa tidak pandai jaga suami. Suami Neesa jumpa perempuan lain pun Neesa tak mampu berbuat apa-apa. Jangan salahkan Neesa kerana perkahwinan yang Neesa sendiri tak mahu. Ini semua salah Dillah, dia yang merogol Neesa semasa berjumpa Neesa dahulu. Neesa tak tahu mengapa Dillah berbuat begitu. Sakit di hati tiada siapa yang tahu. Dillah tampar Neesa pun Neesa tak mampu berbuat apa-apa. Sememangnya perkahwinan tanpa restu kedua-dua orang tua memang tidak akan bahagia, ma. Bukan Neesa yang menyebabkan Dillah tidak dapat berkahwin dengan kekasih hatinya. Tanya Dillah apakah sebabnya dia berbuat begini kepada Neesa. Jika memang dia tidak suka Neesa, lepaskan Neesa. Dia sendiri juga tidak mengakui anak yang merupakan darah dagingnya sendiri yang Neesa kandungkan ini. Mama sendiri tahu bagaimana sensitifnya hati seorang wanita semasa sedang mengandung. Dillah tidak pernah sekalipun mengambil berat tentang Neesa. Neesa tidak kisah kerana Neesa tahu Neesa tidak ada di dalam hatinya. Tapi Neesa berhak bahagia, ma.” Aku bangun dan terus masuk ke dalam bilik. Aku menukar bajuku. Aku ingin melepaskan segala kepedihan hatiku.

Aku tidak tahu ke mana tujuanku. Aku hanya berjalan mengikut di

mana hati ini ingin pergi. Aku membuka radio. Lagu ‘Tuhan Beri Aku Cinta’ sedang dimainkan.

*Walau aku senyum bukan bererti  
aku selalu bahagia dalam hati  
ada yang tak ada di hati ini  
di jiwa ini hampa  
ku bertemu sang Adam, di simpang hidupku  
mungkin akan ada cerita cinta  
namun ada saja cubaan hidup  
seakan aku hina  
Tuhan berikanlah aku cinta  
untuk temaniku dalam sepi  
tangkap aku dalam terang-Mu  
biarkanlah aku punya cinta  
Tuhan berikanlah aku cinta  
aku juga berhak bahagia  
berikan restu dan halal-Mu  
Tuhan beri aku cinta.*

Lagu ini seakan mengerti perasaanku. Aku menghimbau kembali saat perkelahian aku dan Dillah minggu lepas. “Anak siapa jika bukan kau?” tanyaku.

“Tentulah anak kau dan bekas kekasih kau, bodoh!” balasnya. Itulah pertama kali aku mendengar dia menyumpahku. “Kalau bukan kerana kau yang melakukan semua ini, memang aku dah kahwin dengan Maria!” katanya lagi.

“Siapa yang patut dipersalahkan? Kau yang membuatkan aku begini. Aku tak tahu apa sebenarnya niat kau. Kau sendiri yang memalukan dirimu sendiri dengan kelakuanmu.”

Kau tahu apa perasaanku sepanjang perkahwinan kita? Kau tak pernah ambil tahu!” Aku menjawab lalu keluar dari bilik. Hon kereta belakang membuatku tersedar. Oh! “Aku angan-angan rupanya.” Aku



pulang semula ke rumah dengan membawa hati yang terluka.

Malam itu aku *online* untuk membeli tiket penerbangan. Aku ingin berehat. Mengira-ngira wangku. Dillah tidak pernah memberikanku nafkah sepanjang perkahwinan kami. Dengan wang BND500 hadiah kerana kecemerlangan pelajaranku, aku gunakan. Aku ingin ke Kota Kinabalu selama seminggu. Aku ingin menyendiri. Aku mengusap-usap perutku.

“Sayang mahu jalan-jalan *baby*? Kita jalan-jalan esok ye sayang,” kataku sambil mengusap-usap perutku. Dillah masuk ke dalam bilik, aku cepat-cepat tutup *window* pembelian tiket penerbangan tadi.

“Esok aku nak jalan,” beritahuku kepada Dillah. Dia tidak berkata apa-apa. Aku membelai-belai perutku dan berkata sendirian.

“Esok kita jalan-jalan sayang, beli baju *baby*,” aku senyum sendirian.

“Nah, ambil BND200 ni,” berinya kepadaku. Aku bertanya untuk apa wang itu. “Untuk kau beli pakaian anak kaulah,” jawabnya. Luluh hati ini apabila dia berkata begitu.

“Tak payahlah, ini anakku. Aku akan gunakan wangku sendiri,” balasku. Aku terus berbaring dan berselimut.

Pagi itu aku mandi dan berdandan cantik-cantik. Aku memeriksa segala pakaian suamiku untuk seminggu pemergianku nanti. Dillah masih nyenyak tidur. Aku keluar perlahan-lahan. Ayah mertuaku baru keluar bilik, aku terus menyapanya.

“Yah, Neesa akan berangkat ke Kota Kinabalu tengah hari nanti. Tolong jangan beritahu sesiapa. Neesa ingin bersendirian,” beritahuku kepada ayah mertuaku. Sayu melihat wajah ayah mertuaku yang aku sayangi itu.

“Jangan Neesa, awak tengah mengandung. Bahaya,” jawab ayahku.

“Neesa ingin membawa hati yang luka yah,” balasku.

“Hmm ... jika itu yang Neesa mahu, ayah tak dapat paksa. Tapi berhati- hati ya Neesa.”

“Ubatlah hati Neesa dengan pandangan tanaman dan lautan,” aku mengangguk-angguk.

Aku masuk semula ke dalam bilik. Dillah baru sahaja habis mandi. Aku mengeluarkan baju kerjanya dan memakaikan untuk dia. Aku senyum-senyum memakaikan tali lehernya. Dia tidak memandanguku. Aku tidak kisah. Inilah kali pertama dia membiarkan aku memakaikan segalanya untuk dia. Aku merasa sungguh bahagia. Tuhan, berikanlah aku cinta. Aku memberikan makanan kegemarannya, nasi goreng ke dalam pingganinya. Dia memakannya sehingga tiga kali. Aku tersenyum bahagia. Terima kasih Ya Allah. Selepas sahaja Dillah pergi kerja, aku terus mengemas pakaianku ke dalam bagasi. Cepat-cepat aku memasukkannya ke dalam kereta. Aku tidak ingin sesiapa melihat aku belayar.

Aku bersalaman tangan bersama ayah dan ibu mertuaku. Aku mencium kedua-dua belah pipi ibu mertuaku. Dia tidak menolaknya. Aku memberitahunya yang aku ingin bersiar-siar.

Pukul 3.00 petang aku telah selamat sampai mendarat di Lapangan Terbang Kota Kinabalu. Aku terus *check-in* di hotel dan berehat sehingga pukul 6.00 petang. Aku berfikir apa yang sedang Dillah buat petang ini.

## DI RUMAH

“Yah, mana Neesa? Dah lewat ni,” tanya Dillah sambil melihat jamnya yang menunjukkan pukul 8.00 malam.

“Hmm ...? Tak pernah kau pedulikan Neesa tu selama ini, biarlah dia jalan-jalan dahulu,” jawab ayah.

Jam menunjukkan pukul 12.00 malam, Dillah masih menunggu kepulangan Neesa. Dia berjalan mundur-mandir di bilik tamu. Ayah melihat Dillah yang bagaikan cacing kepanasan. Dia berkali-kali menelefon Neesa tetapi *unreachable*.

“Awak kenapa Dil?” tanya ayah buat-buat tidak tahu. “Neesa?” tanyanya lagi. “Ialah awak, dia ada awak buat-buat tak tahu. Awak tidak pedulikan dia yang tengah sarat mengandung itu. Dia perempuan Dillah. Hati seorang wanita mesti perlu awak jaga, lebih-lebih lagi dia isteri awak. Awak senang-senang berjumpa perempuan lain sedangkan dia di rumah setiap hari menunggumu. Dia menangis dan bersabar semasa awak menamparnya, Dil. Banyak cubaan hidup yang perlu dia tempuhi. Dia masih lagi kuliah, Neesa itu mengandungkan anak awak Dil, kenapa awak buat dia begitu Dillah? Ayah langsung tak faham. Hatinya sangat kuat Dil. Ayah sayang Neesa macam anak ayah sendiri. Ibu awak pun ayah tak tahu kenapa dia tidak menyukai Neesa. Neesa itu serba boleh. Dillah untung mendapat isteri yang begitu. Dia tidak pernah memalukan awak Dillah. Ini sudah dia tidak ada baru awak mencari-cari. Bagaimana jika dia langsung tidak ada? Akan ada penyesalan dalam hidupmu Dillah?” Ayah berkata panjang lebar.

Ibu sedang menangis teresak-esak. Dillah duduk terkulai layu. Di hatinya kini datang segala penyesalan. Dia sebenarnya sayangkan Neesa. Dia tidak pernah melupakan Neesa walaupun mereka telah berpisah. Baginya Neesa adalah cinta pertamanya. Dia memperkosa Neesa dahulu kerana dia tidak ingin lelaki lain mendampingi Neesa. Dia sendiri keliru apakah sebenarnya perasaannya terhadap Neesa. Tetapi dia sentiasa bahagia apabila bersama Neesa. Dia hanya ego untuk menunjukkan perasaannya yang sebenar.

“Dillah, jikalau awak tidak menyayangi Neesa, lepaskanlah dia secara baik-baik. Ayah rasa sangat bersalah terhadap Neesa. Fikirlah semasak-masaknya, Dil,” ayah berkata lalu meninggalkan ibu dan Dillah di bilik tamu.

Begitulah hari-hari Dillah tanpa Neesa selama enam hari. Dia tidak

makan selagi Neesa tidak memasak untuknya. Sudah puas ayahnya memujuk untuk makan. Tetapi Dillah tidak mahu. Dillah sentiasa pulang cepat selepas kerja manalah tahu Neesa sudah pulang.

Sesampainya hari yang ke tujuh, Dillah sudah tidak tahan lalu bertanya ayahnya.

“Yah, ke mana Neesa sebenarnya yah?” tanya Dillah layu.

“Hmm ... Neesa pergi bercuti. Dia ingin merawat hatinya yang luka kerana awak tidak mengakui itu anakmu, Dil,” kata ayah. Dillah menangis teresak-esak. Neesalah yang buat dia bahagia sebenarnya. Dil kini menyesal kerana membuatkan isterinya sakit.

“Sabarlah, Neesa akan pulang malam nanti,” tambah ayah lagi. Dillah cepat-cepat bangun dan terus mandi apabila ayahnya berkata begitu.

“Assalamualaikum semua.” Neesa memasuki rumah yang seminggu ditinggalkannya.

“Wa’alaikumsalam Neesa, masuklah,” jawab ibu mertuaku. Aku tersenyum lantas memeluk ibu mertuaku. Aku menyalami tangan ayah mertuaku juga. Aku melihat sekeliling.

“Abang Dillah mana, yah,” tanyaku lembut.

“Dia sedang tidur,” jawab ayah. Aku mengeluh. Aku inginkan pemergianku ini membuatkan Dillah berubah, tetapi sangkaanku meleset. Aku memasuki bilik perlahan-lahan. Aku duduk di pinggir katil. Aku membelai rambut Dillah. Aku merindunya. Dillah, suamiku. Aku menyintaimu. Hanya Tuhan sahaja yang tahu perasaan ini. Aku mencium dahi suamiku. Perlahan-lahan aku memegang lembut tangannya. Aku meletakkannya di atas perutku. Tiba-tiba perutku ditendang-tendang dari dalam. Aku tersenyum. Mungkin anakku tahu ayahnya sedang membelai perutku. Perlahan-lahan aku letakkan tangannya di atas katil. Aku ingin

mandi setelah seharian dalam perjalanan. Tiba-tiba, tanganku ditarik. Aku berdebar-debar.

“Sayang, jangan tinggalkan abang,” aku terdengar suamiku menangis teresak-esak. Aku terkejut mendengar ungkapan dari bibir suamiku. Aku menangis dan menyentuh pipiku adakah aku bermimpi? Aku berpusing dan terduduk di atas katil. Dillah memelukku erat. Dia menangis semahunya. Aku juga menangis semahuku. Aku membalas pelukannya.

“Maafkan abang, sayang. Abang menyesal. Abang berjanji abang tidak akan buat Neesa begitu lagi. Ini anak abang. Anak kita berdua. Abang sayang Neesa,” katanya ikhlas. Aku mengangguk laju. Aku memeluknya kuat seakan tidak ingin melepaskannya pergi. Malam itu buat pertama kalinya kami tidur dengan penuh perasaan kasih sayang. Ya Allah, terima kasih atas segalanya. Inilah cinta yang aku inginkan.

TAMAT

*Pelita Brunei keluaran 14 Julai 2012*



Oleh :  
Adi Jiwa

## *Memori Di Hari Lebaran*

**L**EMAN teringatkan dengan mama dan adiknya yang sibuk di dapur. Kambing atau lembu yang jarang dibuat pada hari-hari biasa akan muncul pada bulan puasa. Kuih-muih yang cantik dan lazat pula akan dihidangkan.

Tiba waktu berbuka, di dapur akan semerbak dengan haruman dan menyelerakan. Setiap petang mama akan menyediakan dua atau tiga jenis kuih apabila sampai waktu berbuka, kuih-muih itu menjadi bermacam jenis kerana adikku akan membeli bermacam kuih di gerai Ramadhan Stadium Tertutup.

Pada waktu malam, masjid di kampung terang-benderang dan riuh rendah dengan suara kanak-kanak yang berlari-lari riang selepas menikmati juadah yang disediakan secara bergilir-gilir oleh anak buah kampung. Lebih menggembirakan lagi Lemana ialah apabila melihat mama menjahit baju baru untuknya. Mama dan adikku sibuk menjahit langsir dan mengatur pasu-pasu bunga di halaman rumah.

Tiba menjelang 1 Syawal semakin memuncaklah kegembiraan itu. Hari lebaran adalah hari yang paling membahagiakan dalam hidup seorang anak sepertinya. Dia akan menyambut perasaan gembira itu sepuas-puasnya kerana hari lebaran cuma setahun hanya sekali dirayakan. Apabila tarikh itu pergi, Leman terpaksa menunggu setahun lagi. Satu tahun adalah satu penantian yang amat lama. Kedatangan Ramadhan disambut dengan kegembiraan kerana ia bermakna 1 Syawal telah hampir untuk mencurahkan segala sinar kegembiraan. Suasana seperti ini tidak mungkin akan kembali lagi. Leman sudah jauh meninggalkan kampung dan mamanya di rumah. Dia tidak lagi menyambut ketibaan bulan Ramadhan adalah sesuatu yang menggusarkan. Aku berasa enggan untuk menerima ketibaan bulan itu. Keengganan ini menyedihkan kerana dia tidak sewajarnya tumbuh dalam hati seorang Islam sepertinya.

Semua kerja di pejabat mesti diselesaikan dulu, tidak kira lapar atau kenyang tetapi bukan ini yang dibimbangkan. Apa yang memberatkan ialah bangun tengah malam untuk bersahur. Semasa kecilpun memang waktu sahur yang tidak digemarinya. Sekarang perkara itu menjadi lebih berat lagi. Sekurang-kurangnya dahulu dia boleh masuk tidur lebih awal supaya tidak begitu mengantuk ketika bangun untuk bersahur, tetapi sekarang Leman tidak boleh tidur sesuka hatinya. Setiap malam dia terpaksa melawan kehendak matanya selagi Nora belum terlena. Kerana isterinya sudah lama meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya.

Nora masih berbaring di hadapan televisyen dan dia tidak berani untuk menutupnya. Leman tidak berani awal tidur kerana bimbangkan anaknya itu terlena dan membiarkan televisyen terbuka sampai ke pagi. Setelah anaknya nyenyak tidur barulah Leman berasa selamat untuk memejamkan mata. Apabila Nora pula terjaga dari tidur dan menangis meminta susu. Pada fikiran Leman sudah tujuh tahun iaitu sejak menjadi papa dia tidak lagi dapat menikmati tidur yang damai. Setelah memperolehi segulung ijazah, Leman bekerja dengan kerajaan di Temburong. Leman menghabiskan sebahagian besar wang gajinya setiap bulan untuk keluarga di kampung.

Di rumah itulah sekarang Leman menghadapi hidup dengan segala ketegangannya. Leman tahu dia tidak akan dapat merasa suasana berpuasa dan berhari raya seperti yang dialaminya pada masa kecil dahulu. Pada masa ini tiada apa yang boleh menjadikan bulan puasa bulan yang istimewa. Dia tetap bekerja dan pulang lewat seperti biasa. Namun ketibaan bulan puasa dan hari lebaran mula dirasakan membawa beban dan kesulitan. Menjelang hari lebaran rumah ini akan ditinggalkan sepi. Rumah ini tidak meriah seperti rumah di kampung ketika disapa takbir lebaran.

Leman begitu sibuk tentang balik kampung untuk beraya adalah perkara biasa. Leman telah menyedari tentang ini. Awal-awal lagi dia telah bercadang untuk pulang ke kampung. Leman terbayangkan pada mamanya di kampung, merayu agar dia pulang kerana pada hari lebaran itu kebetulan genap seratus hari papanya meninggal dunia dan mamanya hendak menyempurnakan majlis tahlil seratus hari.

Leman mahu pulang ke bandar. Leman terasa rindu untuk bertemu mamanya yang sudah lama tidak ditemui. Kepulangan Leman akan menghiburkan hati orang tua yang sedang dalam dukacita itu. Tambahan pula mama Leman sakit-sakit sejak suaminya meninggal dunia. Dia sudah lama tidak balik ke kampung. Leman pun beraya, berkumpul ramai-ramai di kampung. Tiga minggu selepas itu kakak Leman menelefon dari Tutong.

“Aku baru balik kampung. Mama menangis-nangis.”

“Eh, kenapa pula?” tanya Leman dengan cemas.

“Dia sedih benar kerana kau tak balik beraya. Aku pun tak balik. Seorang pun tak balik. Sebab itulah dia sedih sangat.”

Barulah Leman tahu yang kakaknya pun tidak balik beraya di kampung.



“Abang kau kena beraya di Tutong kerana tak dapat bercuti. Sebab tu dia tak mahu balik. Mama kata dia menunggu dan mengharapkan kau dengan anak kau balik. Kata mama dia susah payah membuat kuih yang anak kau suka. Duduklah dia menunggu pada malam raya. Tak tidur sampai pagi, menunggu kalau-kalau kau sampai.”

Leman menahan air mata kesedihan. Leman tahu bukan mamanya seorang yang pernah mengalami kesepian dan berkecil hati pada hari lebaran. Di sini ada mama papa yang berduka kerana anak-anak tidak dapat balik pada hari lebaran. Leman teringat kembali sungutan mamanya yang pernah didengarinya.

“Orang-orang sekarang tak berhari raya macam mama dulu. Mama dulu berjalan-jalan ke rumah sanak saudara. Mama pergi ke rumah datukmu, nenekmu, papa saudara dan mama saudara untuk minta ampun dan maaf. Orang sekarang duduk saja di rumah menonton televisyen, tak mahu lagi menziarahi orang tua-tua. Aku sekarang pun malas nak pergi ke rumah sesiapa lagi. Orang bukan suka sangat tengok kita datang. Ganggu dia orang nak tengok televisyen saja. Pada hari lebaran ada bermacam-macam rancangan yang menarik. ”

Leman yang mudah tersentuh dan terganggu dengan ketibaan lebaran. Orang-orang muda pun ada yang mengeluh. Leman teringat Budin budak kerani pejabatnya. Seminggu yang lalu dia sempat berbual-bual dengan Budin.

“Awak tak balik kampung ke raya ni?” Budin yang sedang menyusun surat itu tiba-tiba mengeluh. Tak tahulah encik. Kadang-kadang saya susah hati sebab hari lebaran dah dekat.”

“Ah, kenapa pula susah hati? Hari lebaran untuk bergembira,” berdebar juga tanda tanya dalam hati Leman mendengar jawapan Budin itu.

“Apa tak susah hati. Kalau tak balik mama kecil hati. Kasihan pula.

Dia pun sudah tua. Kalau dah balik tu kenalah bawa sedikit hadiah, sedangkan saya ni bukannya ada duit sangat. Yang saya tak suka sangat tu pasal nak balik, terpaksa awal bangun pagi jika akhir *speed boat* dah bertolak pula. Kalau boleh saya tak mahu balik pada hari lebaran, lebih baik pada waktu lain saja.”

Leman tersenyum mendengar penjelasan Budin. Dan pagi ini apabila kata-kata Budin itu dipadankan dengan hidupnya, Leman tidak tersenyum lagi.

TAMAT

*Pelita Brunei keluaran 27 Ogos 2012*



# *Menggamit Rindu*

Oleh :  
Riani Rahman

**D**ARI atas pesawat, Lapangan Terbang Heathrow sudah sayup-sayup jauh di bawah sana. Aisyah menarik nafas. Sedikitpun dia tidak pasti apa yang akan ada di hadapan. Perkara apa yang akan terjadi seterusnya.

Aisyah cuba melepaskan mata. Tapi seketika dia diganggu oleh bayang-bayang hitam yang mencengkam leher, yang mencekik saluran pernafasannya. Dengan pantas dia segera membuka matanya. Dadanya berdebar dengan kencang. Ada butiran peluh dingin mula merenik.

“Maafkan saya mengganggu puan, jika mahu berbaring, saya akan betulkan kerusi supaya puan lebih selesa,” suara seorang pramugari berkulit rona kecoklatan dan bertudung warna putih susu di sebelahnya membuatkan dia terkejut. Aisyah cuba tersenyum untuk menutupi keterkejutan. Tanpa sedar dia menganggukkan kepala.

Pramugari tersebut membetulkan kerusi dan Aisyah menyandar dengan debar yang belum padam. Aisyah melirik jam di tangan kanannya. Dia mengagak-agak sendiri, sudah dua jam penerbangan itu berlangsung. Selama dua jam berada di atas udara merentas awan menuju destinasi yang dia sendiri tidak tahu bagaimana sambutannya nanti. “Ada sekitar empat jam lagi,” bisiknya.

Aisyah melepaskan nafas untuk sekian kalinya. Pandangan matanya terarah pada puterinya yang sudah terlena di kerusi sebelah. Hawa dingin pesawat membuatkan badan kurus Aisyah menggeletar. Kain selimut tidak cukup tebal untuk menghalang kedinginan itu. Dengan perlahan dia menutup mata. Namun semakin dia berusaha memejamkan matanya, fikirannya tetap terganggu. Dia berusaha menghalau bayang-bayang yang menghantui fikirannya. Tekadnya sudah bulat. Biarlah apapun yang akan terjadi nanti, dia akan tetap tabah menghadapinya. “*Allahu Akhbar*, lindungi kami Ya Allah ... ampunkan hamba-Mu ini,” lirih suara Aisyah terlahir daripada bibirnya.

“Maafkan Aisyah abang,” bisiknya perlahan.

“Ayah tidak benarkan!”

“Tidak akan!” Lantang suara Haji Rahman menusuk telinga Aisyah.

Tanpa sedar Aisyah melepaskan sebuah keluhan. Tiba-tiba kata-kata ayahnya terngiang-ngiang di telinganya. Raut wajahnya mula terpampang di fikirannya. Lelaki berketayap dan berkaca mata. Petani berusia hujung senja itu sangat disegani di kampungnya. Mempunyai sifat tegas dan kuat pada pegangan agama Islam. “Sedang buat apa ayah ketika ini,” bisik Aisyah.

Lantas terbayang sawah padi yang cantik menguning. Mungkin pada ketika ini orang kampung sedang sibuk mengetam padi. Demikian juga dengan kedua orang tuanya. Suasana kedamaian di kampung halaman yang sudah lama ditinggalkannya.

Di sini memang seronok, salji dingin berguguran apabila tiba musimnya. Namun tempat jatuh lagi dikenang, inikan pula tempat bermanja. Dia tetap merindui tanah kelahirannya dan bukannya tanah di sini. Itulah suara hati Aisyah. Dia sudah tidak berupaya untuk membohongi dirinya lagi.

Sejak dia pergi dan berkahwin dengan Yusof, hubungan dengan kedua orang tuanya telah terputus. Kemarahan ayahnya dan kebisuhan ibunya tanpa restu membuatkan Aisyah terfikir, apakah kedua orang tuanya itu akan menerima jika dia pulang?

“Sayang, biar *mummy* yang jaga anak kita. Awak pergilah berehat.”

Aisyah merenung anaknya yang comel, Siti Nur Sarah. Bola matanya kebiruan dengan alis mata yang lentik. Di bawah dagu terdapat rekahan kecil. Sangat manis kurnia Allah Subhanahu Wata'ala. Jelas si comel kecil ini berdarah kacukan Melayu dan Inggeris. Air mata Aisyah mula mengalir. 10 bulan selepas berkahwin, Aisyah melahirkan sepasang anak kembar. Semasa awal kehamilan, doktor telah mengesan bahawa janin yang dikandungnya adalah kembar. Aisyah sangat bahagia mendapat berita itu. Atas nasihat doktor, Aisyah menjalani pembedahan dua minggu lebih awal daripada tarikh sepatutnya. Alhamdulillah akhirnya pada tanggal 29 Januari 2000, Mohammad Ryan dan Siti Nur Sarah dilahirkan. Namun kuasa Allah Subhanahu Wata'ala tiada siapa yang boleh menghalang. Allah lebih menyayangi puteranya. Mohammad Ryan lebih dahulu menyahut panggilan Ilahi.

“Abang, Nur perlu dikhitan,” kata Aisyah.

“Tidak perlulah sayang. Itu hanya budaya. Asal kita buat perkara yang wajib dalam agama Islam. Itu sudah memadai,” jawab Yusof tegas.

“Aisyah mahu lakukan seperti orang Melayu lain lakukan,” balas Aisyah lagi.

“Sarah itu cucu *mummy* juga, ada darah Inggeris yang mengalir.

Biarlah, *mummy* juga ada hak ke atas cucunya,” suara Yusof lantang.

Semalam Aisyah dan ibu mertuanya bertengkar apabila membicarakan tentang berkhitan. Ini bukanlah kali pertama Aisyah bertegang urat dengan suami dan ibu mertuanya. Semua kerana perbezaan pendapat tentang budaya. Nilai budaya kemelayuan yang diwarisi oleh Aisyah tertanam dalam dirinya sejak azali. Sangat sukar untuk mengikisnya.

“Abang, kita beragama Islam. Sedangkan *mummy* abang beragama Kristian. Pegangan agama kita berbeza,” ujar Aisyah.

“Apapun juga dia adalah ibu kandung abang. Perempuan yang telah melahirkan abang,” jawab Yusof lagi.

“Aisyah juga ibu kepada Nur. Mana hak Aisyah?”

“Pang!”

Satu tamparan hingga ke pipi Aisyah.

“Aisyah jangan hendak kurang ajar pada abang. Awak akan terima akibatnya!” Kata Yusof.

Aisyah terdiam. Air mata mengalir deras. Dia sangat kalut memikirkan. Ibu mertuanya tidak membenarkan anak perempuannya dikhitan. Dia juga tidak membenarkan Aisyah berpantang seperti mana yang dilakukan oleh wanita bersalin di tanah Melayu. Baru beberapa hari selepas melahirkan, Aisyah sudah disuruh membuat rawatan *spa*. Untuk merawat badan. *Refreshment* kata ibu mertuanya. Anak-anaknya yang masih merah tapak kaki dibawa mandi di dalam kolam renang. Meski pada waktu senja sekalipun. Aisyah kerap kali membantah namun tidak pernah dihiraukan.

Akibatnya, Mohammad Ryan tiba-tiba sahaja mengalami panas badan. Perutnya kembung. Dia terkena sawan. Namun suami dan ibu mertuanya tidak membawanya ke hospital.

“Tidak ada apa-apalah Aisyah, Ryan hanya mengalami perubahan hormon,” jawapan Yusof yang sangat selamba.

“Abang! Aisyah bukan bodoh,” jawabnya.

“Aisyah, awak ini terlalu patuh pada adat resam dan budaya awak tu. Zaman sekarang canggih. Jangan risaulah. Ryan tidak akan ada apa-apa,” balas Yusof.

Namun kuasa tuhan tiada siapa yang dapat menghalangnya. Anak lelakinya itu akhirnya kembali ke Rahmatullah. Aisyah sangat sedih dan berasa hampa dengan sikap ibu mertuanya. Sejak melahirkan, dia juga tidak dibenarkan menyusui anak-anaknya. Menurut ibu mertuanya, susu *formula* lebih sesuai berbanding dengan susu ibu. Lagi pula, kandungan *nutrient* yang dimakan oleh Aisyah belum pasti berkhasiat untuk diberikan kepada cucu-cucunya.

Aisyah sangat tertekan dan menderita. Fikirannya bercelaru. Dia menjadi marah dan menyesal berkahwin dengan suaminya. Jika sahaja masa dapat diputar semula. Dia tidak akan berkahwin dengan Yusof. Andai sahaja dia mengetahui pendirian Yusof sedari awal, dia tidak akan menderhaka kepada kedua ibu bapanya. Aisyah tertipu dengan sikap Yusof. Namun demikian dia juga takut pada hukum Allah Subhanahu Wata’ala. Tidak taat kepada suami. Khalifah bagi seorang perempuan yang bergelar isteri. Tetapi apakah Yusof layak menjadi seorang suami?

“Ya Allah, aku serahkan segala-galanya kepada-Mu. Tiada tempatku bermohon selain daripada-Mu,” air mata Aisyah terus mengalir.

Setelah habis pengajian selama empat tahun, Aisyah hanya menjadi seorang penganggur. Sudah sebulan dia berada di rumah. Menunggu surat panggilan untuk ditemu duga tetapi belum kunjung tiba. Semakin banyak orang yang berpendidikan tinggi, semakin ramai pula yang menjadi penganggur terhormat. Niat di hatinya untuk menjadi seorang pendidik. Kata orang, jika memilih sebagai seorang pendidik maka cepatlah graduan itu bekerja jika dibandingkan dengan bekerja di Perkhidmatan

Awam. Entahlah, nyatanya Aisyah masih belum bekerja. Ery sahabat baiknya juga belum bekerja, meskipun sudah tiga tahun beroleh segulung ijazah. Salah siapa?

Seperti biasa Aisyah menghabiskan rutin hariannya menghadap komputer ribanya. Sejak mengenali Yusof, dia menjadi penunggu setia. Segala yang dilakukan serba tidak kena. Bak kata orang, ‘makan tak kenyang, mandi pula tak basah’. Dia sudah tergilagilakan lelaki Inggeris yang telah mencuri hatinya. Perkenalan yang tidak direncana membuahkan bibit cinta di hati dua orang adam dan hawa itu.

Segalanya bermula apabila Aisyah telah terpilih untuk menyertai program penulisan Mastera: Novel di Bogor, Indonesia anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka. Sebagai penggiat sastera dia tidak melepaskan peluang keemasan itu. Surat tawaran diterima dengan gembira. Melalui program itu dia telah mengaut pengalaman dan berkongsi banyak ilmu daripada pengajar dan rakan-rakan yang lain. Seramai 18 orang dari empat buah negara, bersatu dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu melalui penulisan novel masing-masing. Bertolak daripada detik itu, Aisyah membuka sebuah akaun Facebook itu. Laman sosial Facebook memang suatu yang canggih dewasa ini. Pada awalnya media tersebut hanya semata-mata untuk memudahkan perhubungan dengan teman-temannya, tetapi lama-kelamaan Aisyah membuka ruang untuk berkenalan dengan orang lain.

“Kenapa seorang perempuan harus memakai tudung di kepala? Rambut adalah mahkota. Sesuatu yang cantik. Kenapa harus ditutup?” bicara awal perkenalan Yusof dengan Aisyah.

“Rambut itu merupakan aurat bagi seorang perempuan yang beragama Islam.”

“Betulkah? *Old fashion.*” Aisyah tercabar dengan kata-kata Yusof.

“Tetapi kenapa masih ramai perempuan yang tidak memakainya?”



“Itu orang lain. Bukan saya! Apa yang saya ketahui, perempuan yang beragama Islam wajib menutup auratnya daripada penglihatan orang yang bukan muhrimnya!”

“Oh! Sebab itulah Aisyah memakai baju ala-ala jubah dan tudung labuh seperti khemah?”

“Tenang wahai hati,” bisik Aisyah. Walhal hati perempuan Aisyah sangat terusik. Aisyah juga rasa tersinggung apabila Yusof mengatakan bahawa agama Islam itu suatu agama yang zalim.

“Agama Islam bukan seperti itu. Tidak pernah mengajarkan cara keganasan meskipun kepada bangsa lain. Semua tentang agama Islam jelas dikatakan di dalam Al-Qur’an.”

“Erm ... betulkah?”

Sering kali Yusof mengajukan pelbagai persoalan tentang agama Islam kepada Aisyah. Pelbagai tohmahan juga telah dilemparkan. Namun dia menjawab dan menerangkan dengan sabar, jelas dan terperinci kepada Yusof. Bercerita tentang kisah-kisah Nabi Muhammad Sallallahu ‘Alaihi Wasallam serta dosa dan pahala daripada buku-buku agama yang dimilikinya. Bahkan dia juga sering berkongsi pengalaman hidupnya. Sedikit demi sedikit Yusof mula berubah. Fikirannya sudah tidak tertutup lagi. Sehingga pada suatu hari, kata-kata Yusof telah membuatkan dia terkedu.

“Aisyah, aku ingin bertemu Tuhanmu. Aku ingin sepertimu. Menjadi hamba Allah. Mengerjakan perkara-perkara yang diwajibkan dan meninggalkan perkara-perkara diharamkan. Aku ingin memeluk agama Islam,” kata Yusof.

Aisyah riang. Dia rasa bersyukur kerana boleh membuatkan seorang penganut agama Kristian ingin mempelajari tentang agama Islam. “Syukur alhamdulillah.”

Hari silih berganti. Hubungan mereka semakin intim. Bibit cinta melalui internet juga berjalan dengan lancar. Aisyah dan Yusof sudah mula mengorak langkah menuju hubungan yang lebih jauh. Justeru, Yusof juga semakin ghairah. Hingga lancang menyatakan keinginannya untuk berkahwin dengan Aisyah. Aisyah yang sudah mulai mabuk kepayang menerima permintaan Yusof tanpa fikir panjang.

“Kita orang Melayu Aisyah,” terang ibu Aisyah.

“Tidak menjadi kesalahan berkawin campur mak. Yang penting adalah agama. Yusof sudah berkeinginan untuk memeluk agama Islam. Agama kita dengan dia akan menjadi sama nanti.”

“Masuk agama Islam hanya kerana ingin berkahwin dengan kau Aisyah?” Tiba-tiba ayahnya menyampuk.

“Ayah ...”

“Ayah tidak benarkan!” Pintas ayahnya.

“Tapi ayah ...”

“Tidak akan!” Lantang suara Haji Rahman menusuk telinga Aisyah.

“Aisyah ... Kau dengarlah cakap ayah dan mak nak. Kau hanya kenal Yusof melalui komputer. Kita tidak tahu latar belakangnya. Tambahan pula, dia jauh di sana,” jelas ibunya dengan lembut.

“Apapun terjadi, Aisyah tetap akan berkahwin dengan Yusof. Aisyah sangat mencintai dia mak. Aisyah tidak peduli semua itu. Hari ini juga Aisyah akan terbang ke London. Aisyah akan menikah dan tinggal di sana.”

“Anak bertuah!” Marah ayahnya. Satu tamparan tepat pada pipi Aisyah.

“Pergi! Pergi! Tetapi ingat Aisyah, jangan pernah pulang ke sini lagi. Mulai hari ini kau bukan anak kami. Ayah tidak ada anak yang bernama Aisyah!” Jerit ayahnya.

\*\*\*\*

“Umi ... ”

“Kenapa umi menangis?” Tiba-tiba Siti Nur Sarah menyedarkan Aisyah dari sebuah lamunan panjangnya. Gambar kedua ibu bapanya terjatuh dari tangan. Semua peristiwa terimbas kembali. Aisyah mengesat airmatanya. Betapa dia sengsara dalam keperitan hidup yang telah dipilihnya.

“Tidak ada apa-apa sayang, umi cuma ingatkan nenek di kampung.”

“Bila kita boleh balik kampung umi?”

“Sabarlah sayang, kalau duit tabungan umi sudah cukup, insya-Allah kita akan balik.”

“Kenapa ayah dan *grandma* tidak suka kita umi?” Aisyah mendengus.

“Nur sayang, jangan fikir yang bukan-bukan. Kita berserah kepada Allah Subhanahu Wata’ala. Buah hati umi sudah solat atau belum ni?” Tanya Aisyah sambil tersenyum.

Siti Nur Sarah mengangguk membalas senyuman ibunya. Sebenarnya gadis berusia lapan tahun itu sangat sedih melihat ibunya yang sentiasa dipukul oleh ayah dan neneknya. Mereka berdua tidur di ruangan dapur rumah mewah Inggeris setinggi tiga tingkat itu. Dia dan ibunya dilayan seperti pembantu di rumah itu.

Aisyah dan anaknya sudah beberapa kali ingin melarikan diri dari

sana. Namun usaha mereka tetap gagal dan kesudahannya mereka berdua akan dipukul sekuat-kuatnya oleh Yusof. Penderaan demi penderaan dilakukan oleh Yusof dan ibunya. Tudung kepala Aisyah dan Siti Nur Sarah direntap sekuat hati. Mereka tidak suka apabila dua beranak itu mengenakan tudung kepala. Bahkan rambut Aisyah yang panjang digunting pendek tanpa rasa kasihan. Setiap hari Aisyah dikehendaki menghidangkan minuman yang memabukkan untuk seisi keluarga. Aisyah sabar dan tabah menghadapi segala kejahatan yang dilakukan oleh suami dan ibu mertuanya. Bertahun-tahun Aisyah memendam rasa. Selepas melahirkan anak kembarnya, dia tidak pernah merasai kenikmatan berumah tangga lagi. Dia diperlakukan tidak ubah seperti hamba abdi. Hanya pada Allah Subhanahu Wata'ala sahaja tempat Aisyah memohon pertolongan. Tiap saat dia berdoa agar Allah Subhanahu Wata'ala melindungi dia dan anaknya. Semoga suami dan ibu mertuanya diberikan rahmat dan petunjuk jalan yang benar.

“Aisyah, selama pesta krismas ini kami akan bercuti di Paris. Jaga rumah baik-baik. Jangan lupa mandikan *puppy* setiap hari. Saya tidak mahu anjing kesayangan saya itu berbau seperti badan awak. Faham? Dan ingat ya, kamu anak beranak tidak boleh pergi ke mana-mana!” Marah ibu mertuanya.

Aisyah tunduk. Sedikitpun dia tidak berani memandang wajah bengis ibu mertuanya. Langkah kaki ibu mertuanya semakin hilang dari pendengaran Aisyah. Sayup-sayup kedengaran enjin kereta suaminya meninggalkan perkarangan rumah.

“Masya-Allah, Allah Subhanahu Wata'ala itu memang berkuasa. Maha Mengetahui dan Mendengar segala doa hamba-Nya.” Aisyah terus berlari mendapatkan anaknya. Dia segera mengemas barang-barang keperluan. Ini adalah peluang keemasan untuk Aisyah dan Siti Nur Sarah melarikan diri dari sebuah rumah yang menyeksakan. Kata orang, rumahku syurgaku. Tetapi di dalam rumah ini ibarat neraka dunia yang penuh dengan kesakitan dan dosa.

Tanpa membuang masa, Aisyah menghubungi pegawai kedutaan

negaranya yang berada di London. Aisyah nekad dan pasrah.

\*\*\*\*\*

“Puan ... Maafkan saya kerana mengganggu. Pesawat akan mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dalam masa 10 minit lagi. Ada apa-apa yang saya boleh bantu?” Tiba-tiba satu suara kedengaran. Pramugari yang berkulit kecoklatan mengejutkan aku dari sebuah igauan yang suram.

Hati Aisyah tambah bergetar. Perasaan sebak, hiba dan gembira berbaur menjadi satu.

“Syukur alhamdulillah. Terima kasih ya Allah atas segala kurnia-Mu.” Ujar Aisyah perlahan.

“Sayang ... Nur ... Buah hati umi, bangun.” Aisyah menyentuh lembut bahu anaknya.

“Alhamdulillah kita telah sampai ke tanah air. Deru angin Bandar Seri Begawan telah menggamit rindu untuk kembali ke bumi tercinta, Brunei Darussalam.” Sambung Aisyah sambil memberikan senyuman manis buat Siti Nur Sarah.

TAMAT

*Pelita Brunei keluaran 22 September 2012*

# *Si Eman murid contoh*



Oleh :  
PAT

**M**AN apa kau buat tu? Cuba tolong ayah buangkan sampah ni.” Pinta Awang Budin pada anaknya, Si Eman.

Eman ialah satu-satunya anak lelaki awang Budin dengan isterinya Nurmah. Eman berumur sembilan tahun lebih. Dia sudah bersekolah di sebuah sekolah tidak jauh dari rumah mereka. Hari itu hari minggu. Eman duduk sambil membaca buku di ruang bilik tamu.

“Ya ayah, Eman datang, ayah,” sahut Eman lalu menghampiri ayahnya.

“Eman, tolong ayah buangkan sampah ani ke dalam tong sampah sana,” ulang ayah Si Eman sekali lagi.

“Baik ayah,” balas Eman pendek.

Eman kembali ke tempat ruang tamu dan menyambung kerjanya iaitu membaca buku cerita. Eman memang suka membaca buku. Dia tidak memilih apa juga jenis buku, yang penting buku itu dapat dibacanya. Membaca memang hobinya masa lapang. Dia mulai gemar membaca buku sejak dia menjejak kakinya ke bangku sekolah. Waktu itu dia dalam darjah KG2 dan kini Eman sudah dalam darjah Tahun 4.

“Eman kan, suka membaca buku. Buku apakah yang Eman suka baca? Kenapakah Eman suka membaca buku tersebut?” Tanya cikgunya pada suatu hari, selepas Eman meminjam beberapa buah buku dari PPB itu.

“Eman suka membaca apa saja buku, sebab semua buku itu mengandungi ilmu pengetahuan. Banyak orang membaca buku untuk menambah ilmu pengetahuan. Yang kitani inda tahu, menjadi tahu. Ada juga orang membaca untuk suka-suka, sebagai hiburan. Misalnya membaca komik kartun. Hari ini saya pinjam buku cerita dongeng dan cerita-cerita binatang di zaman dulu, semasa binatang pandai bercakap,” jawab Eman.

“Kalau boleh, cikgu ingin tahu lagi. Banyak-banyak buku, buku apakah yang paling Eman suka baca? Mengapa Eman suka buku jenis itu?” Cikgunya bertanya lagi, seperti sesi temu ramah.

“Buku ini sebenarnya terbahagi kepada dua kategori, iaitu buku *non-fiction* dan *fiction*. Eman suka membaca kedua-dua jenis sekali. Sebab seperti kata Eman tadi, kedua-dua buku ini mengandungi ilmu pengetahuan. Kalau membaca buku jenis satu, Eman boleh tahu cerita yang sebenarnya, mungkin cerita dari pengalaman penulis. Sementara jenis dua pula, Eman boleh terhibur macam membaca cerita-cerita dongeng, cerita binatang. Jadi dua-duanya ada nilai ilmu dan juga boleh membantu Eman dalam mengetahui beberapa aspek bahasa macam tatabahasa. Jadi ia banyak membantu Eman. Misalnya lagi, membantu Eman mengarang karangan, membina ayat, melihat ejaan baru dan banyak lagi.” Jelas Eman panjang.

Melihat caranya menjawab pertanyaan cikgunya itu, sudah menunjukkan, Eman ini mempunyai tahap kepintaran yang boleh diketengahkan. Dia sudah banyak tahu faedah membaca. Beruntung kedua ibu bapanya mendapat anak seperti Eman ini. Di rumah Eman tidak membiarkan masa lapangnya berlalu begitu saja. Kadang-kadang masa itu dia gunakan untuk menolong ibu bapanya. Antaranya seperti menolong mengemaskan bilik, membersih dalam dan luar rumah dan sebagainya. Sekali-sekala dia bermain di luar rumah seperti berbasikal, bermain kereka kawalan jarak jauh dan lain-lain permainan.

Kebetulan ayah Si Eman mempunyai sebuah bilik mini perpustakaan. Dalam bilik perpustakaan ini bermacam-macam buku disimpan oleh bapa Si Eman. Ada buku berbentuk ilmiah, buku-buku ilmiah, buku-buku sekolah daripada peringkat rendah hingga menengah, majalah dan juga surat khabar. Kebanyakan buku tersebut adalah hasil koleksi bapa Si Eman sejak dia masih di bangku sekolah lagi. Buku-buku tersebut itu dijaga dengan baik dan sentiasa bertambah kerana bapa Si Eman sering membeli buku yang difikirkannya baik. Eman mengambil peluang ini untuk menggunakan buku-buku di sana, yang bersesuaian dengan peringkat umurnya.

“Ayah, boleh Eman baca buku dalam bilik perpustakaan itu?” tanya Eman pada ayahnya. Sudah terbiasa, Eman akan meminta izin terlebih dahulu sebelum membuat sesuatu. Dia sudah pandai berhati-hati dalam tindak-tanduknya. Baginya memakai atau meminjam sesuatu perlulah mendapat keizinan terlebih dahulu, atau sekurang-kurang dimaklumkan kepada pemiliknya. Nilai-nilai kejujuran dan tanggungjawab ini sudah nampak tersemam di jiwa Eman. Ini membuatkan kedua orang tuanya, guru dan kawan-kawan sekolah suka kepadanya. Dia sudah pandai menunjukkan tingkah-laku yang terpuji walaupun umurnya masih muda itu.

Eman mengambil buku komik kartun ‘The Kampong Boy’. Buku komik itu banyak dalam simpanan bapa Si Eman. Buku-buku itu digemari oleh bapa Si Eman kerana isi ceritanya cukup menghiburkan ditambah lagi dengan ilustrasi yang menarik. Bapa Si Eman juga sangat



suka membaca pelbagai-bagai jenis komik. Salah satu daripadanya ialah komik ini, yang dihasilkan oleh seorang kartunis terkenal di negara jiran. Kawan-kawan bapa Si Eman pun pernah meminjam buku-buku dari situ, ketika mereka berkunjung ke rumah Eman. Ini juga satu kelebihan pada rumah Eman, yang jarang-jarang ditemui di rumah-rumah orang lain termasuk, beberapa buah rumah bapa kawan Si Eman.

Memang daripada sudut pendidikan, adalah digalakkan supaya setiap rumah mengadakan sudut bacaan atau mini perpustakaan ini tidaklah semestinya terdiri daripada buku-buku yang banyak dan mahal. Dengan mengumpul buku-buku terpakai, majalah yang bersesuaian, buku-buku teks anak-anak sekolah, surat khabar lama, sudah memadai. Dan bagi yang berkemampuan membeli buku-buku di pasaran, ini satu kelebihan. Si Eman sangat beruntung kerana ayahnya dapat mengusahakan mini perpustakaan seperti ini.

“Melentur buluh biarlah dari rebung. Kalau sudah jadi buluh nanti memang susah hendak dilenturkan,” begitu kata cikgu, dalam ucapannya sewaktu perjumpaan ibu bapa murid di sekolah. Petikan ungkapan tersebut sentiasa bermain di ingatan kedua ibu bapa Si Eman. Mereka sentiasa memberikan pendidikan yang terbaik dan termampu buat si Eman.

“Ujian Topikal bulan lepas, Eman mendapat tempat pertama di dalam kelasnya. Syabas, saya ucapkan. Teruskan usaha dan mudah-mudahan mendapat kejayaan seterusnya.”

Begitu kata guru darjahnya dalam perjumpaan ibu bapanya dalam perjumpaan ibu bapa murid pada hari itu. Perjumpaan itu diadakan di dewan sekolah, bagi menandatangani rekod kemajuan murid selepas pencapaian pertengahan tahun.

“Anak kita baik, bukan saja lulus, cemerlang lagi tu. Ina macam Si Ipan, payah-payah kan lulus. Ani baik jua sikit, ada naik markahnya. Kalau ujian mula-mula itu, satu saja, lulus. Yang lain semua merah. Membari malas kan mengantar ke sekolah Si Ipan,” kawan sedarjah

Eman dengan nada seperti marah.

“Sabar saja Yof, anak-anak andangnya macam atu. Diurang ani lakat balum tau apa-apa. Balum ada kesedaran diri lagi. Kitani dulu-dulunya pun inda jua tarus pandai. Yang capat pandai atu mungkin usahanya banyak, berlipat-ganda dari usaha biasa,” kata bapa Si Eman kepada Yusof, bapa Si Ipan.

“Kitani, walaupun macam mana lemahnya pun, kalau ada usaha mungkin boleh berjaya. Contohnya orang yang berjaya sampai ke menara gading atu pun, pernah jua gagal. Kadang-kadang kitani inda terfikir macam mana diurang dapat menjajak kaki sampai ke universiti. Contohnya Si Mail, Dr. Mail, yang selalu berceramah dalam TV atu. Aku tau banar ia tu. Masa sekolah rendah dulu, ia atu selalu saja gagal, nah, masa ani, ia pulang sampai ke universiti. Dapat pangkat doktor PhD lagi tu.” sambung bapa Si Eman lagi.

“Itulah nya orang ‘belakang parang kalau diasah lagikan tajam’ Jadi jangantah luan difikirkan sangat, lambat-laun nanti diurang boleh berjaya jua tu. Apa yang penting, kitani sentiasa terus memberi sokongan dan dorongan serta nasihat yang berguna, pada diurang. Kalau diurang mulai sedar akan pentingnya pelajaran dan sayangkan orang tua, pasti diurang atu, akan belajar dengan gigih. Ani akan nampak jalas, kalau diurang pada peringkat sekolah menengah, sebab diurang masuk ke usia dewasa. Tapi pada peringkat rendah, macam diurang Si Mean, Si Ipan ani, memang balum nampak lagi lah ...” sambung bapa Si Eman memberi keyakinan kepada bapa Si Ipan.

Memang betul, sekali gagal tidak semestinya gagal terus. Ini sudah menjadi lumrah alam. Yang penting kita terus berusaha dan berusaha. Jangan mudah berputus asa. Anggaplh kegagalan itu sebagai satu cabaran yang perlu diatasi pada masa depan supaya tidak berulang lagi. Kejayaan pasti akan datang jika kita betul-betul berusaha dengan gigih. Ini tidak memilih apa jua bidang yang kita ceburi.

Satu lagi perkara penting untuk berjaya ialah kepintaran mengawal masa. Masa itu amat berharga seperti kata pepatah ‘masa itu emas’.

Segelintir golongan manusia, terutamanya anak-anak muda banyak yang tidak begitu mengambil berat tentang masa. Masa yang ada banyak dibuang begitu saja, tanpa membuat sesuatu yang berfaedah. Mereka sering bangun lewat, berfoya-foya, mundar-mandir, sambil menggayakan gaya hidup yang kurang menyenangkan beberapa pihak. Perkara inilah yang sering dikhuatiri oleh banyak pihak mahupun pihak ibu bapa, keluarga, institusi tertentu dan juga negara. Oleh itulah, pihak-pihak yang berkaitan mengambil beberapa langkah untuk membendung segala seperti ini melalui beberapa saluran yang difikirkan berkesan. Salah satu daripadanya ialah menerusi pendidikan kerana pendidikan itu mampu membentuk sahsiah jati diri seseorang individu.

Keluarga bapa Si Eman berasa lega, melihat Si Eman, dari usia muda lagi sudah pandai berjinak-jinak membahagikan masa. Jarang sekali dia membiarkan masanya berlalu begitu sahaja. Bukan maksudnya Si Eman ini 'kaki bangku'. Eman juga aktif dalam beraktiviti sukan dan beriadah, seperti kawan-kawannya yang lain. Cuma Eman perlu berhati-hati dalam menggunakan masanya. Dia sentiasa berpandukan jadual 'rutin hariannya' kerana Eman tahu masa itu amat penting dan sangat-sangat diperlukan.

Sebagai kanak-kanak normal yang masih membangun, pembangunan yang seimbang perlu ada iaitu pembangunan fizikal, mental, emosi, spiritual dan sebagainya. Untuk mengisi semua itu, masa yang cukup diperlukan. Contohnya, bersukan diperlukan untuk pembinaan fizikal, berhibur juga perlu untuk perkembangan emosi dan sebagainya. Dalam erti kata lain, pembahagian masa hendaklah seimbang untuk mendapatkan hasil perkembangan diri yang maksima. Kemungkinan atas kebijaksanaan Eman mengawal penggunaan masa ini telah membuatnya berjaya dalam banyak aspek. Dari aspek fizikal umpamanya Eman sentiasa sihat, kesihatan badan baik, emosi stabil, kelakuan dan tingkah laku positif. Begitu juga aspek akademiknya sentiasa menyerlah.

Walaupun banyak aktiviti Si Eman berpandukan jadual yang dibuatkannya. Namun begitu terdapat juga tanda bintang pada sebahagian aktiviti dalam jadualnya. Ini membawa maksud 'tertakluk kepada

keadaan'. Jadi walaupun jadual tersebut agak padat, namun terdapat juga 'tolak ansur'. Ini untuk memberi prioriti kepada aktiviti yang lebih penting, yang perlu didahulukan. Ibu bapa Si Eman secara diam-diam kagum melihat jadual Si Eman ini. Kadang-kadang jika mereka ingin membawa Eman berjalan-jalan seperti *shopping*, secara diam-diam, mereka merujuk jadual Si Eman ini terlebih dahulu. Tujuannya supaya tidak mengganggunya dan sekali gus cuba menghormati perkara baik yang dilakukannya. Maka di sini kerjasama, hormat-menghormati, faham-memahami, di antara isi keluarga itu adalah sebahagian dari inti pati keharmonian hidup berkeluarga. Itulah yang dipraktikkan oleh keluarga Si Eman.

“Man, karang lapas *shopping* kitani singgah arah kadai buku. Eman boleh pilih buku yang Eman suka. Bapamu boleh *sponsor* ari ini, Eman setuju?” Emaknya memberitahu Si Eman sambil menjeling manja kepada suami tersayanginya, Awang Budin.

“Okey tu. Eman pilih saja buku yang Eman fikirkan sesuai. Nanti babah bayarkan. Lagipun babah akan melihat buku-buku jua, kalau-kalau ada buku yang babah suka, babah akan beli. Ada dua jenis buku saja yang babah akan liat. Atupun kalau ada. Satu buku mengenai sejarah tempatan dan yang satu lagi buku yang berkaitan dengan bahasa tempatan.” Sahut bapa Si Eman.

Mereka sedang dalam perjalanan ke kedai membeli-belah yang terbesar di Bandar itu. Eman nampak segar dengan pakaian yang agak sederhana. Eman tidak memilih tentang berpakaian asalkan pakaian itu sesuai dan selesa untuk dipakai. Di rumah Eman sentiasa mengemaskan biliknya setiap hari. Dia tidak mengharapkan ibunya selagi kerja-kerja itu boleh dilakukannya sendiri. Dia juga seorang murid yang kreatif. Ini pernah diakui oleh guru darjahnya sendiri. Dalam kerja kraf tangan sekolah, Eman sering menonjolkan sifat kreativitinya. Ramai kawan dan guru Eman suka akan hasil kerjanya itu. Pernah beberapa buah hasil kerjanya dipamerkan di dewan sekolah, semasa lawatan rombongan pelawat dari luar negara, melawat ke sekolah Eman.

Eman sudah nampak mulai mengukir beberapa kejayaan pada peringkat sekolahnya. Dalam bidang ECA dia begitu aktif. Dia sering mewakili pihak sekolah dalam beberapa aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Semangat untuk berjaya dalam semua bidang ini didorong oleh kejayaan pelajar-pelajar yang terdahulu. Kesemua ini diketahui melalui bahan-bahan bacaan yang dibacanya. Malah Eman juga dapat bertukar-tukar fikiran dan pengalaman dengan rakan-rakannya daripada latar belakang yang berbeza-beza. Pada cuti penggal persekolahan bulan lepas pertubuhan ini telah mengadakan lawatan ke Pusat Penemuan Minyak dan Gas, OGDC, di Seria.

“Ke mana kita, awal-awal pagi minggu ani?” Tanya Si Yusof, bapa Si Ipan.

“Ni mengantad Si Eman ke sekolah. Diurang ada lawatan, pagi ani,” jawab bapa Si Eman.

“Awu, banar tu. Anakku Si Ipan pun ada membagitau. Tapi aku, malasku, kan mengantad, lagipun Si Ipan lakat lagi tidur. Biartah ia barihat. Karang ngalih, inda ia sekolah esok. Man, bagitau cikgumu, Si Ipan inda ikut malawat,” sahut bapa Si Ipan sambil menyampaikan pesan kepada cikgu menerusi Si Eman.

“Okey, pak cik, terima kasih,” jawab Si Eman pendek. Si Eman duduk di dalam kereta. Dia menunggu ayahnya, memberi surat khabar di sebuah kedai runcit di tepi jalan. Bapa Si Ipan juga ada di kedai itu membeli beberapa bentuk mata kail. Sementara menunggu bapanya membeli surat khabar dan berbual-bual dengan bapa Si Ipan, Eman sempat membaca surat khabar ‘Brunei Times’ keluaran dua hari yang lepas. Surat khabar itu disimpan dengan baik oleh bapanya di poket belakang kerusi pemandu keretanya itu.

Memang di dalam kereta itu jarang kosong dengan surat khabar, kalau bukan surat khabar mungkin majalah seperti masalah ‘Sukan, Rapi, Sihat’ dan beberapa majalah berjenama lain. Bapa Si Eman sering membaca. kadang-kadang sementara menanti enjin keretanya panas, dia

membaca surat khabar, walaupun surat khabar itu keluaran beberapa hari yang lalu. Mungkin sudah menjadi tabiatnya dan kemungkinan perangai bapanya ini menurun kepada Si Eman. Maklumlah kata orang selalunya ‘bapa borek anaknya rintik’.

Si Eman ini, menurut guru kelasnya lagi, memang memiliki disiplin yang tinggi. Waktu belajar dia belajar bersungguh-sungguh. Segala arahan gurunya sentiasa dilaksanakan termasuk menyelesaikan kerja-kerja rumah yang diberikan. Kerja-kerja rumahnya sentiasa dihantar pada masanya dan dibuat dengan sempurna. Kualiti kerjanya sangat memuaskan jika dibandingkan dengan kawan-kawannya yang lain. “Ahmad, kerja rumah yang cikgu berikan semalam sudah kamu siapkan?” tanya guru Si Eman kepada Ahmad, kawan sedarjah Eman.

“Sudah siap cikgu, tapi saya terlupa membawanya, cikgu,” jawab Ahmad.

“Kamu Yusof?”

“Maaf cikgu, kelmarin kami akhir balik. Kami pergi ke Miri,” jawab Yusof.

“Bagaimana dengan kamu, Rosli?”

“Maaf cikgu, rumah kami tidak ada api elektrik malam tadi,” jawab Si Rosli.

“Kamu Amir, siap atau belum?”

“Belum cikgu, buku kerja rumah saya habis. Kata bapa, tunggu terima gaji nanti, baru dia dapat membeli,” jawab Ramli.

Bermacam-macam jawapan yang diberikan untuk sebuah kerja rumah. Jawapan murid seperti ini biasa terdengar di kebanyakan sekolah rendah. Murid-murid sekarang ini tidak begitu mengambil berat kepada kerja rumah. Jika guru lupa menagih atau tidak mempedulikan lagi,

bermakna kerja rumah itu tidak akan diselesaikan atau dihantar. Yang menjadi mangsa ialah murid itu sendiri. Mereka tidak dapat belajar dengan sempurna. Di waktu ini, di mana ‘Pendidikan SPN 21’ dikuatkuasakan, pengambilan peratus markah dari kerja rumah adalah satu kewajipan

Sekarang ini banyak ibu bapa prihatin akan pelajaran anak-anak mereka. Mereka sering bertanya permasalahan yang dihadapi oleh anak-anak mereka. Sekolah-sekolah pun sering mengadakan hari terbuka kepada pihak ibu bapa, di samping mengadakan beberapa sesi perjumpaan formal seperti permuzakarahannya antara pihak sekolah dan ibu bapa.

“Ayah, ani ada surat makluman dari pihak sekolah,” kata Si Eman sambil mengunjukkan surat berkenaan.

Ibu bapa Si Eman sentiasa menyokong usaha-usaha sekolah untuk memajukan pelajaran anak-anak didiknya. Di rumah bapa Si Eman juga sentiasa memperuntukkan masa untuk bersama Si Eman. Tetapi disebabkan Si Eman sudah pandai menguruskan sendiri kerja-kerja sekolahnya, ibu bapanya tidak banyak ikut serta. Mereka hanya memerhati dan membantu sekali-sekala apabila diperlukan sahaja. Setiap malam selepas makan malam mereka duduk sama-sama berkumpul sambil membuat aktiviti masing-masing.

“Ayah, kerja rumah yang cikgu suruh hantar esok sudah Eman siapkan. Yang Eman buat masa ani, dihantar minggu depan, sengaja Eman buat awal ani. Lagi awal lagi baik. Nanti, kalau ada kerja rumah subjek lain, inda jua batimbun,” kata Eman pada ayahnya yang sedang duduk-duduk sambil membaca surat khabar.

Cara Si Eman itu bertindak cukup bijak. Dia tidak menangguhkan kerjanya walaupun tempoh yang diberikan masih lama. Bagi Eman, lagi awal siap, lagi baik, manalah tahu masa di kemudian itu tidak mengizinkan. Maklumtah ‘kita tidak dapat mengagak apa yang berlaku esok’. Kita hanya boleh merancang tetapi Tuhan yang menentukan. Perkara ini sudah difikirkan oleh Eman.

“Eman apa kau buat tu? Oh, kerja rumah! Lama jua lagi tarikh menghantarnya,” kata Si Salleh sambil menghampiri Si Eman.

“Kalau sudah siap nada kan diingau lagi. Kalau bapa membawa berjalan dapat jua ku ikut,” jawab Si Eman. Lagipun, Eman masih teringat akan pesan cikgunya, katanya.

“Membuat kerja rumah, jangan bertangguh-tangguh. Kalau ada masa buat terus. Kerja rumah mesti dihantar. Sebahagian dari markah SBA akan diambil dari sana.”

Salleh terdiam sejenak. Dia terfikir seolah-olah Si Eman ini telah menyindirnya. Sebab Si Salleh selalu mengeluh bila saja cikgunya memberikan kerja rumah.

Kerja rumah adalah salah satu prosedur guru untuk memastikan murid-murid itu belajar di rumah. Ia dijadikan sebagai kesinambungan kerja-kerja sekolah. Ini tidak bertujuan untuk membebankan mereka mahupun ibu bapa mereka. Dengan cara ini murid-murid akan dapat mengulang kaji pelajaran yang diajar sambil membuat kerja rumah ini.

Ibu bapa Eman menyahut seruan ini dengan baik tetapi ada segelintir ibu bapa mengeluh apabila anaknya diberikan kerja setiap minggu.

“Si awang atu, banyak kerja rumah diberi cikgunya. Batimbun bah. Semua guru subjeknya membagi kerja rumah. Kan membawa ia ke kadai pun nada masa. Asyik membuat kerja rumah saja,” salah seorang ibu bapa mengeluh.

Di sini mungkin timbul sedikit perselisihan faham antara guru dengan ibu bapa. Pada dasarnya guru mempunyai beberapa strategi dan perancangan yang teratur termasuk pemberian kerja rumah ini. Semua kerja rumah murid diberikan mengikut jadual dan kuantiti yang ditentukan. Maka di sini sepatutnya tidak timbul permasalahan di pihak ibu bapa. Jika anak-anak mereka melakukan kerja sekolah seperti yang dilakukan oleh Eman, kemungkinan permasalahan ini tidak akan timbul.



Sebagai murid sekolah, mereka sepatutnya menunjukkan diri mereka itu sebagai murid, yang berdampingan dengan buku. Dalam erti lain, mereka mestilah sentiasa belajar sesuai dengan tugas seorang murid sekolah.

“Apakah dia cita-cita? Siapa boleh jawab?”

“Saya cuba, cikgu. Cita-cita ialah satu bidang pekerjaan yang kita akan ceburi apabila dewasa nanti,” jawab Eman.

“Bagus Eman, satu jawapan yang baik. Ada lagi yang ingin menambah?” Tanya cikgunya lagi. Setelah membuat beberapa penjelasan dan beberapa isi penting yang akan dimasukkan ke dalam karangan itu, cikgu mengarah muridnya untuk membuat karangan. Karangan hari itu bertajuk ‘Cita-Cita Saya’. Eman mempunyai cita-cita. Cita-citanya ingin belajar sampai ke peringkat yang paling tinggi, iaitu sampai ke pangkat PhD. Semuanya itu Eman akan ceritakan di dalam karangannya.

“Murid-murid yang memiliki cita-cita itu sesuatu yang baik. Ini kerana cita-cita itu boleh menyuntik semangat mereka untuk belajar dengan sungguh-sungguh. Tidak semua murid yang memiliki cita-cita. Apabila ditanya, mereka tidak tahu dan ini amat sukar jika mereka diarahkan menyiapkan karangan ‘Cita-Cita Saya’ dengan baik.” Begitu kata cikgu Eman kepada rakan sejawatnya.

Eman bangun awal pagi itu. Hari itu ialah hari yang begitu menggembirakan buat dia, guru, ibu bapa dan semua dalam keluarganya. Ini kerana di hari itu Eman sekali lagi dicalonkan sebagai murid cemerlang di sekolahnya. Dia dan kedua-dua orang tuanya dijemput sama dalam Majlis Penyampaian Hadiah Murid Cemerlang Sekolah Rendah Senegara. bagi tahun itu. Majlis pagi itu akan diadakan di ICC, Berakas. Mereka bertiga masuk ke kereta lalu pergi ke tempat yang dimaksudkan.

TAMAT

*Pelita Brunei keluaran 6 Oktober 2012*



## *Musim Bunga ...*

## *Musim Luruh*

Oleh :

Haji Jamaluddin Aspar

“WAH ...! Awal-awal pagi lagi ayah sudah menghadap Facebook ...! Ada member barukah ayah?” Manja sedikit menyindir dan punya maksud yang tersendiri.

“Kita sudah didedahkan dengan alat-alat yang canggih seperti ini, gunakanlah ianya untuk menimba ilmu dan pengetahuan yang senang dan mudah diperolehi.” Zaini faham alunan kata-kata anaknya itu. Manja membaca beberapa perkataan yang baru saja ditulis ayahnya.

Zaini begitu ceria menghadap *laptopnya* yang comel pada pagi yang cerah itu. Anak perempuannya, Manja pula sibuk dengan kerja-kerja

dapurnya, walaupun hari itu hari minggu yang sepatutnya berehat dan bebas dari pelbagai yang dinamakan tugas dan tanggungjawab harian di pejabat.

Zaini tidak perlu lagi memikirkan hal-hal yang begitu, dia sudah lepas bebas dari tanggungjawab yang diletakkan di atas bahunya, Zaini mahu membuang jauh-jauh segala bebanan yang membelenggu dirinya semasa dia bergelar pegawai kerajaan dahulu, kerana itu dia mahukan ketenangan seiring dengan usianya yang baru beberapa bulan bersara itu.

“Selamat pagi minggu ... Moga hari ini akan lebih baik dari hari semalam, salam buat kawan-kawan Facebook ku yang setia ...” Manja berhenti membaca.

“Sudahlah mana sarapan ayah ...?” Lembut suara seorang ayah terhadap anaknya yang cuma seorang itu.

“Ayah nak makan apa? Mi gorengkah ... mi rebuskah atau ayah boleh sebut apa saja. Manja akan masak yang *special* untuk ayah.”

“Rebuskah ... gorengkah ayah tak kira. Kalau ayah kata nak arnab atau unta goreng, macam mana ...?”

“Manja taulah ayah tak makan semua itu. Sekarang Manja nak masak mi rebus *special* untuk ayah, tapi sebelum makan nanti ayah *add* ke Facebook ayah tu dulu, diiringi dengan komen yang cantik dan indah.” Senyum seorang anak kepada ayahnya.

“Belum buat lagi macam mana nak komen ... ” kata Zaini.

Dialog mesra dua beranak itu tiba-tiba spontan terhenti. Deringan *mobile* atas meja di hadapannya menjerit seolahnya cemburu dengan kemesraan antara anak dan ayah itu. Amat canggih dunia yang dipanggil alaf baru sekarang ini, dari bunyi deringan yang pelbagai irama saja sudah boleh mengenali siapa pemanggilnya. Zaini tahu dan pasti panggilan itu bukan dari kawan-kawannya.

Macam besi berani objek hitam kecil nipis itu pantas mendakap di kuping telinga Zaini. Suara dalam telefon itu memenuhi lubang telinganya, lembut dan perlahan tidak seperti beberapa tahun dahulu, keras dan nyaring cukup untuk menggegar gegendang telinganya dan sekali gus menjadikan dia tuli.

Zaini cukup kenal suara dalam telefon itu walaupun sudah lama tidak didengarnya, tapi sekarang suara itu sudah menembusi lubang telinganya kembali, dia tidak dapat berbuat apa-apa. Zaini terpaksa mendengarnya.

“Assalamualaikum ...!” Suara wanita itu lunak dan lembut.

“Wa’alaikumsalam...!” Zaini menjawab garau dan dalam satu masa jejarnya pantas meng-*off* *laptopnya*.

“Manja sihat ...? Mana dia ...” Suara dalam telefon itu sedikit menggeletar macam dibuat-buat.

“Sihat ... Manja di dapur sedang memasak ...” Zaini bagaikan berada di awang-awangan. Suasana pagi yang pada mulanya cerah itu bagaikan sudah bertukar menjadi gelap seolah-olah sebentar lagi dunia akan kiamat.

“Abang bagaimana ... Sihat jugakah ...?” Zaini diam. Otaknya koma seketika dan suara dalam telefon itu semakin berani.

“Hello ...! Hello bang Zaini ...!” Suara wanita dalam telefon itu perlahan-lahan hilang yang seolahnya tidak pernah singgah di lubang telinga Zaini.

Terpampang seraut wajah yang satu ketika dahulu amat dicintainya, tapi wajah itu sudah lama menghilang dan sudah lama juga dilupakannya. Tapi sekarang macam dipanggil sejujur tubuh itu terpacak di hadapannya.

“Sekadar \$30,000 itu nak bisnes apa bang ...? Kalau jual ikan salai di tamu itu bolehlah ...” Kuat dan garang suara itu.

“Tapi dengan wang sejumlah itulah yang menempatkan kamu seperti sekarang ini.” Zaini menempelak isterinya, tapi bukan mengungkit.

“Bisnes saya sekarang sudah mencapai ratusan ribu ringgit bang. Asal abang tahu saja, sedikit masa lagi senang-senang saya akan dapat jutaan ringgit.” Suara Dinas tinggi dan angkuh.

“Kita tidak akan mulia kerana banyak harta ... Jika hidup kita sendiri tidak punya makna. Jangan terlalu tamak ...!” Zaini pula meninggikan suaranya.

Apapun bidang jika sudah sebatikan dalam darah dan daging seseorang itu, memang menemukan kepuasan walaupun belum tentu adanya kejayaan apalagi ketenangan, waima terpaksa melukakan hati seseorang baik dalam sedar mahupun tidak, yang penting keinginan pasti tercapai

Usaha yang gigih dari seorang wanita bernama Dinas benar-benar menghasilkan kejayaan di mata dunia perniagaan. Dinas begitu berani berkongsi niaga dengan tokoh-tokoh korporat terkenal demi meneruskan usaha dan cita-citanya, kerana dia tahu pakej dalam bidang itu ada padanya.

Ulang tayang peristiwa beberapa tahun lalu yang sebentar saja menyelimuti ruang ingatan Zaini bersama dakapan *mobilenya* hancur berkecai. Zaini tidak sempat merakam sepenuhnya perbualannya bersama pemanggil itu, ingatannya jauh melayang ketika dia bersama dengan pemanggil itu.

“Apa mimpi mak menelefon ayah ...?” Manja hairan.

“Sekarang tak payah tengok mimpi-mimpi lagi ...” Zaini. “Mak sakitkah ayah ...?” Manja menunggu jawapan ayahnya.

“Mak nak jumpa ayah ...” Pendek penjelasan Zaini. Manja diam dengan pelbagai andaian.

Manja tahu siapa emaknya, Manja cukup faham dengan tingkah laku dan perangai emaknya itu. Sebelum ini emaknya begitu resah gelisah jika bersama ayahnya. Ayahnya itu bagaikan musuh yang harus disingkirkan dalam keluarganya, walaupun apa yang diperolehinya ketika itu sebahagian besar datangnya dari ayahnya sendiri.

Manja seperti tidak percaya emaknya hendak berjumpa dengan ayahnya yang selama ini sering dipandang sinis oleh emaknya. Apalah dosa ayahnya hingga emaknya tergamak berbuat demikian. Kalaupun emaknya ingin berkarya dalam apa bidangpun, tapi tidak seharusnya memamah bulat-bulat kehidupan ayahnya. Manja merasakan antara tidur dan jaga, masa silam dan masa terkini.

“Sudah! Jangan ambil tahu soal mak dan ayah, buat kerja kau itu lebih bagus,” keras suara emaknya cukup untuk menggegarkan telinga Manja mendengarnya.

“Bagaimana Manja hendak memulakan kerja dengan baik, jika mak dan ayah sering bermasam muka ...” Manja memandang tepat wajah emaknya.

“Kau masih muda belum faham soal rumah tangga ...!” Emaknya masih mengangap apa yang diperkatakannya itu semuanya betul, walaupun anak daranya itu sudah berumur lebih 25 tahun.

“Bagaimana Manja nak faham mak ... Sedangkan mak sendiri yang tidak faham erti keharmonian rumah tangga ...” Manja semakin berani, dia tidak mahu emaknya terus-terusan memandang kerdil terhadap lelaki idolanya yang bergelar ayah itu.

“Mak tidak suka dikongkong ... Apa yang mak lakukan sekarang ini pun adalah untuk kita semua juga!” Alunan suara emaknya seolah memujuk Manja bulat-bulat percaya pada apa yang diperkatakannya itu.

“Tapi janganlah sampai menghina ayah, sedangkan ayah telah pun berkorban untuk karya mak sendiri.” Manja bukan hendak menderhaka

tapi ingin menyuarakan apa yang dirasakannya betul.

Mawar secara langsung coba mengingatkan emaknya, barang kali emaknya sudah lupa pada apa yang telah diberikan oleh ayahnya sehingga emaknya terkenal sebagai seorang tokoh korporat wanita yang berjaya dan digalati.

“Kalau perlu mak akan bayar semua itu ... Mak tidak mahu terhutang budi.”

Pinggian kaca di tangan Manja jatuh dan berkecai di lantai membuatkan Manja bingkas dari kenangan lamanya bertengkar dengan emaknya suatu ketika dahulu. Manja belum dapat melupakan kata-kata yang berbentuk penghinaan terhadap ayahnya itu.

Bukan Manja mengutuk emaknya apa lagi membenci, tapi Manja tidak menyukai tingkah laku emaknya yang seakan orang buta membuang tongkat apabila sampai di tempat tujuan.

“Dendam itu adalah hasutan dari iblis dan syaitan.” Zaini.

“Apakah mak benar-benar menghendakkan pertolongan dari ayah, atau cuma satu muslihat ...” Manja mula meragui niat emaknya itu.

“Jangan prasangka buruk terhadap mak sendiri. Tidak ada gunanya menghitung kira masa-masa lalu mak dan ayah. Semua itu sudah ditakdirkan Allah.” Manja tidak berani lagi membuka mulut, kata-kata ayahnya itu seolah telah mengunci kedua bibirnya yang nipis macam limau seulas itu.

Manja bersyukur mempunyai seorang ayah yang baik, walau pernah disakiti oleh emaknya. Apapun sebagai seorang anak yang mengharapkan sebuah syurga dari kedua orang tuanya, Manja tetap menghormatinya walau teramat sakit dan sukar untuk dilakukan.

Untuk kedua kalinya Zaini rela berkorban dan membebaskan Dinas

dari menjadi penghuni penjara. Dinas ingin menebus segala kesilapan dan kesalahannya yang lalu untuk kembali ke pangkuan Zaini sekali gus akan menjadi seorang isteri yang baik. Semua itu demi anak mereka, Manja.

Alasan apapun untuk menyatukan yang terpisah, bagaimanapun cara hendak mendekatkan yang jauh, namun hukum-hakam agama tidak boleh diperlekehkan. Zaini telah menganugerahkan talak tiga kepada Dinas, semua itu adalah kehendak Dinas sendiri yang ketika itu mabuk dengan cita-citanya yang tinggi melangit. Untuk rujuk kembali adalah satu perkara yang berat.

Jika Dinas sudah terlanjur berladang, masakan dia sendiri tidak sanggup menuai hasilnya dan inilah hasil dari apa yang telah dilakukannya ketika musim bunganya mengembang tanpa mengingatkan musim luruhnya. Itulah pusingan dunia yang bulat ini, tanpa sedar telah sampai ke hujung dan terpaksa ditelan tidak kira itu madu mahupun racun.

Sekarang Dinas bukan lagi seorang korporat wanita yang berjaya. Apa yang berlaku dan terjadi semua itu sudah ditentukan oleh Ilahi dan itu pula tidak akan berlaku dengan sia-sia melainkan ada hikmahnya di sebalik kejadian itu.

Dinas sekarang menjadi seorang wanita biasa dan menjadi ibu kepada seorang anak yang selama ini mendambakan kasih sayang sejati dari kedua ibu bapanya. Zaini mengizinkan Dinas kembali ke rumah yang dahulunya mereka katakan rumah itu adalah syurga mereka, di samping seorang anak yang mereka kasihi dan lahir di celah-celah kesucian cinta mereka berdua suatu ketika dahulu.

Zaini cuma mampu menghitung detik dan masa perjalanan hidupnya yang terkini. Dia berbangga kerana berjaya menyatukan anaknya kembali kepangkuan ibu kandungnya, walaupun dia merasakan sedikit kegagalan kerana tidak dapat mempertahankan keteguhan rumah tangganya.

Dinas tahu mereka tidak boleh hidup sebumbung dan kerana itu



Dinas tidak mahu melukakan hati Zaini untuk kedua kalinya. Dinas sedar kebahagiaan itu bukan miliknya seorang kerana itu dia ingin meninggalkan rumah itu.

“Bukan kamu yang pergi ... Manja sangat-sangat mengharapkan kamu di sini.”

“Lalu ... Abang Zaini hendak ke mana ...?” Rendah dan perlahan suara Dinas.

“Kita bagaikan dua garisan yang selari ... Tidak mungkin akan bertemu walau ke hujung langit sekalipun.” Itu kata-kata seorang lelaki yang kehilangan harga diri disebabkan penghinaan dari orang yang dicintainya.

“Dinas berdosa pada abang ...” Kesedihan seorang wanita yang dibaluti dengan kekesalan, begitu mudah menitikkan air mata, walaupun suatu ketika dahulu air mata suaminya sedikitpun tidak pernah disukatnya.

“Aku sudah memaafkan kamu ... Jagalah anak kita baik-baik, aku akan pergi ke Mekah. Moga di sana nanti aku akan bertemu ketenangan dan kedamaian yang abadi.” Bola mata Zaini mula berair setelah begitu lama air matanya membeku.

“Dinas akan menanti abang di syurga, kiranya ditakdirkan dua garisan selari itu akan bertemu di sana.” Sebak dada Dinas tidak mampu menahan titisan air matanya untuk kesekian kalinya.

Tanpa segan silu Dinas mendekati Zaini dan memeluknya dengan erat seolahnya menjadi satu, walaupun dia tahu lelaki itu bukan muhrimnya lagi. Setitik air mata seorang lelaki yang begitu mahal harganya jatuh membasahi dahi Dinas yang luas itu dan air mata itu mengalir perlahan ke kelopak mata bekas isterinya lalu bersatu.

TAMAT

*Pelita Brunei keluaran 8 Disember 2012*

